

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
 PENGGAL KETIGA
Third Session
 MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

 Jilid III

Bil. 25

Hari Isnin

1 Disember 1997

 K A N D U N G A N

PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan

- *YB Dato' V.K.K Teagarajan*
- *YB Puan Tan Ek Huat*
- *YB Tuan Parasuraman a/l Sanasamy*
- *YB Tuan Haji Ghafar bin Gurrohu*

(Ruangan)

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

(Ruangan)

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan)

Memperkenankan Akta-Akta

(Ruangan)

Kebenaran Bercuti

(Ruangan)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG

- **Rang Undang-Undang Pengurupan Wang 1997**
- **Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)1997**

(Ruangan)

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin 1 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada 6 Oktober dan 11 November 1997.

1. Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan (Dilantik);
2. Yang Berhormat Puan Tan Ek Huat (Perak);
3. Yang Berhormat Tuan Parasuraman a/l Sanasamy (Kedah);
4. Yang Berhormat Tuan Haji Ghafar bin Gurrohu (Dilantik);
5. Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah pada bulan Oktober dan November. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih dan dipilih semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“1 Disember 1997.

Perutusan dari Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997;
2. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997;

3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1997 (No.2) 1997; dan
4. Rang Undang-undang Bernama (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa Usul ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997;
2. Akta Pembangunan Sukan 1997;

3. Akta Perbekalan Tambahan 1997;
4. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan)1997;
5. Akta Pencegahan Rasuah 1997;
6. Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
7. Akta Pembahagian (Pindaan) 1997; dan
8. Akta Syarikat (Pindaan) 1997;

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut:

1. Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim dari 27 November hingga 8 Disember 1997;
2. Yang Berhormat Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad dari 1 Disember hingga 4 Disember 1997; dan
3. Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari dari 1 Disember hingga 18 Disember 1997.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

PUSAT RIADAH DI KAWASAN PERUMAHAN

1. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat mana kerajaan-kerajaan negeri telah mematuhi arahan Kerajaan Pusat supaya tidak membenarkan pemaju membangunkan tanah lapang di kawasan perumahan dan kampung tradisi, yang mana patut dikekalkan sebagai pusat riadah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab sekali soalan yang sama dari Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang dijadualkan pada 10 Disember 1997.

Undang-undang meletakkan tanggungjawab mengawal pembangunan ini kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan. Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri sedar akan kepentingan mewujudkan tanah-tanah lapang khususnya dalam pembangunan kawasan perumahan dan perkampungan tradisi sebagai pusat riadah. Ke arah itu, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)(Pindaan) 9 November 1995 memasukkan keperluan penyediaan tanah-tanah lapang sebagai satu syarat yang dikenakan terhadap pemaju yang diberi kebenaran untuk menjalankan aktiviti pembangunan terutamanya pembangunan perumahan. Melalui peruntukan baru ini, kementerian menjangka pihak berkuasa negeri dan perancang tempatan akan lebih berkesan memastikan keperluan tanah lapang dalam pembangunan tidak diabaikan.

Kementerian sedang menubuhkan satu pasukan bertindak atau task force, dengan izin, bagi mengaudit prestasi pihak-pihak berkuasa tempatan terutama mengenai kebersihan dan penggunaan pakai akta-akta yang berkaitan dengan penggunaan tanah dan pemeliharaan alam sekitar. Laporan-laporan prestasi akan dikemukakan untuk makluman Kabinet dan kerajaan-kerajaan negeri untuk tindakan seterusnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Kerajaan Pusat berkuasa dari segi meminta kerajaan negeri untuk memenuhi kehendak-kehendak ini dengan adanya peruntukan baru dan penubuhan task force tersebut.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini kuasa dalam bidang tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Sebenarnya kalau diambil dari segi undang-undang, pihak Kabinet tidak mempunyai kuasa secara mutlak. Tetapi Kabinet adalah di bawah bidang kuasa yang diketuai oleh Perdana Menteri, maka apabila laporan ini yang diperincikan dikemukakan kepada Kabinet, maka diharapkan dengan pengetahuan Kabinet secara terperinci, diharapkan kerajaan-kerajaan negeri akan mengambil tindakan yang lebih berat terhadap penggunaan tanah-tanah yang disediakan bagi tanah-tanah lapang tetapi dipinda dijadikan projek-projek pembangunan. Dengan cara itu, kita dapat mencari jalan supaya arahan pihak Kerajaan Pusat dapat dipatuhi sepenuhnya oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan wujudnya bidang kuasa negeri dan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, soalan saya ialah oleh kerana kita masih lagi banyak masalah dari segi penjagaan kawasan perumahan, dari segi kebersihan dan juga banjir kilat dan sebagainya, adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan undang-undang dan peraturan yang wujud untuk memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang itu sebenarnya dapat mencapai matlamat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dari segi undang-undang telah diselaraskan. Memang semua undang-undang yang ditentukan oleh Kerajaan Pusat digunapakai di kerajaan-kerajaan negeri, cuma yang berbeza ialah tahap penguatkuasaan dan keberkesanan penguatkuasaan. Jadi, dengan adanya task force ataupun pasukan bertindak yang diwujudkan di peringkat kementerian dan kita akan menjalankan urusan audit mengenai prestasi pihak-pihak berkuasa tempatan maka kemungkinannya (pihak-pihak berkuasa tempatan), prestasi mereka itu akan dapat diketengahkan (yang mana berprestasi tinggi dan yang mana berprestasi rendah dan di mana juga mereka tidak menjalankan penguatkuasaan yang begitu rapi), kita akan kemukakan, kita akan utarakan dan tindakan yang perlu saya kira akan diambil oleh kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat mengenai pihak-pihak berkuasa yang tidak mematuhi arahan.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa ramaikah pemaju-pemaju yang telah pun menggunakan kawasan tersebut dan negeri-negeri mana yang banyak sekali digunakan. Apakah tindakan kerajaan yang diambil dari segi perkara tersebut.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak mempunyai angka mengenai jumlah pemaju dan jumlah tanah-tanah lapang yang telah diubah penggunaannya. Tetapi di peringkat kementerian, kita telah pun menarik perhatian semua pihak berkuasa tempatan dan kita telah menarik perhatian semua kerajaan negeri supaya memberhentikan pembangunan yang menggunakan tanah-tanah ini oleh kerana ini adalah satu perkara yang tidak patut diteruskan memandangkan keperluan tanah-tanah lapang adalah untuk penggunaan masyarakat setempat yang juga menjadi masalah kepada belia-belia yang memerlukan tanah (atau kawasan lapang) bagi urusan dan aktiviti riadah dan sebagainya, yang mana kalau diteruskan akan juga menjejaskan pembentukan insan, pembentukan personaliti dan juga akan mungkin menjejaskan usaha kita untuk membanteras gejala-gejala sosial.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pernah menyarankan tempat rizab ini boleh dijadikan tadika atau tabika. Sejauh manakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan respond terhadap saranan ini ataupun pandangan tentang ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dalam perancangan setiap satu kawasan perumahan, sudah dipertentukan di manakah tanah lapangnya, di manakah tempat untuk suraunya, di manakah tanah untuk kegunaan-kegunaan seperti tadika, tabika dan sebagainya. Maka penggunaan tanah seperti yang disebutkan itu tidak bercanggah.

Saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat itu mungkin hanya terkeliru sedikit, sebenarnya kita tidak membenarkan tanah lapang untuk kegunaan riadah atau kegunaan sukan dan sebagainya, agar tidak digunakan bagi tujuan-tujuan yang lain.

DRAF RESOLUSI KONGRES AMERIKA SYARIKAT

2. Datuk Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Luar Negeri menyatakan respon Kerajaan Amerika Syarikat mengenai bantahan Malaysia terhadap dasar perdagangan luar sempadan Amerika Syarikat yang tidak seimbang kerana ia membabit hak untuk menyekat mana-mana negara berniaga dengan negara yang tidak disenangi Amerika Syarikat dan adakah tindakan melulu dan biadab draf resolusi oleh 34 orang Ahli Kongres Amerika Syarikat mengenai Perdana Menteri kita patut dikutuk sekeras-kerasnya berkaitan dengan konspirasi Yahudi.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia dengan jelas telah menolak soal terimapakai Akta Sekatan Iran-Libya 1996 (ILSA). Pendirian Malaysia ke atas pelaburan PETRONAS di Iran telah dimaklumkan secara rasmi kepada Pegawai Jabatan Negara (State Department) Amerika Syarikat yang telah melawat Malaysia baru-baru ini.

Di dalam pertemuan dengan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, Malaysia tidak dapat menerima Akta ILSA ini memandangkan bahawa ianya satu undang-undang kebangsaan Amerika Syarikat yang cuba dikuatkuasakan melampaui sempadan Amerika Syarikat. Pelaburan PETRONAS di Iran tidak melanggar mana-mana undang-undang tempatan Malaysia mahupun undang-undang antarabangsa ataupun peraturan-peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Pegawai Jabatan Negara Amerika Syarikat juga telah diberitahu bahawa PETRONAS dan syarikat-syarikat Malaysia yang lain akan terus melabur di luar negara di mana terdapat peluang ekonomi dan pelaburan termasuk di Iran dan Libya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu draf resolusi Kongres Amerika Syarikat, Kementerian Luar Negeri telah berkali-kali menegaskan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukanlah seorang yang anti Yahudi mahupun anti Amerika. Justeru itu tindakan tiga orang Ahli Kongres Amerika Syarikat yang bercadang membentangkan draf resolusi meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita meletak jawatan sekiranya gagal memohon maaf berikutan kenyataan beliau mengenai Yahudi sama sekali tidak dapat diterima oleh Kerajaan Malaysia. Kerajaan juga berpendapat bahawa tindakan tersebut telah mencampuri urusan dalaman negara Malaysia yang berdaulat.

Adalah tidak wajar sama sekali bagi pihak-pihak luar dari Malaysia meminta seorang pemimpin asing yang telah dipilih menerusi proses

demokratik oleh rakyat Malaysia untuk meletak jawatan. Jelaslah tindakan ini mencabul hak rakyat Malaysia dan merupakan satu tindakan yang melanggar prinsip-prinsip tidak mencampuri hal ehwal sesebuah negara lain.

Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan dasar Kerajaan Amerika Syarikat ini membabitkan hak asasi negara-negara lain bagi menjalankan kegiatan-kegiatan perdagangan dan sebagainya, apakah tindakan Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan lain di seluruh dunia ini untuk hendak menentukan supaya Amerika Syarikat berhenti membuat perkara seperti ini dengan mengajukan usaha-usaha kita, melobi negara-negara lain, Ahli-ahli Bangsa-Bangsa Bersatu supaya isu ini, resolusi ini dibawa ke peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu supaya negara-negara ini bersetuju untuk menentukan supaya Amerika Syarikat tidak menjalankan usaha dan mengeluarkan dasar yang menyekat negara-negara lain untuk membuat sesuatu apa sahaja.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita maklumkan bahawa sistem membuat akta atau undang-undang di negara Amerika Syarikat adalah di mana Kongres dan kerajaan di bawah pimpinan Presidennya, kadang-kadang mengadakan pendekatan secara berasingan.

Walau bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang diusahakan dan dibawa oleh Kongres dan diluluskan oleh Kongres dan di mana kadang-kadang

juga di mana satu kompromi di antara kerajaan di bawah pimpinan Presiden dan juga Kongres itu mendapat satu cara mereka melaksanakan sesuatu akta itu.

Walau bagaimanapun, yang penting di sini kita memang menegaskan bahawa sebagai undang-undang atau prinsip-prinsip atau pendekatan-pendekatan Amerika Syarikat atau mana-mana negara yang melibatkan atau mencampurkan hak rakyat kita, kita memang sentiasa menyatakan pendirian kita dan menentang secara keras dan menerusi forum-forum antarabangsa seperti badan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga WTO dan sebagainya di mana kita dapat menyatakan pendirian kita dengan tegas bahawa kita tidak dapat menerima mana-mana perkara yang tidak sepatutnya dilaksanakan atau dipaksakan ke atas negara-negara yang lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu pegawai-pegawai Jabatan Negara Amerika Syarikat telah datang ke negara kita kerana perniagaan yang dijalankan oleh PETRONAS di Iran. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, setelah Malaysia menyatakan pendirian Malaysia dan kita tidak menerimapiakai Akta Iran-Libya 1996, apakah reaksi daripada pihak yang datang mengadakan penyiasatan di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kerajaan telah pun memberikan jawapan secara

rasmi kepada pihak Kerajaan Amerika Syarikat suara hati rakyat Malaysia yang mana saya kira bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini tetapi di seluruh negeri-negeri dan juga keseluruhan rakyat Malaysia termasuk NGO dan semua rakyat menyatakan perasaan tidak puas hati dan menentang sikap Amerika yang cuba campur tangan dalam hal kedaulatan negara kita.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, bahawa memang reaksi dari pegawai-pegawai yang datang ke negara kita memang beliau menyatakan bahawa menghormati pendirian kita dan sekadar beliau telah berjumpa dengan pegawai Kementerian Luar Negeri kita dan menjelaskan Akta ILSA itu dan mereka telah menerima pendirian kita dan menghormati keputusan kita dan jawapan kita kepada mereka.

Yang keduanya, bahawa perasaan dan sokongan rakyat kita yang kita rasa bangga kepada pemimpin kita dan kerajaan kita dalam perkara yang telah kita hadapi selama dalam jangka yang pendek ini, kita telah menyampaikan menerusi saluran-saluran tertentu dan menerusi Kementerian Luar Negeri kita dan juga menerusi Duta-duta yang telah terlibat dalam perkara ini dan boleh dikatakan mereka telah memahami dan menyedari bahawa kita tidak dapat menerima secara begitu sahaja apa yang telah dinyatakan atau kita tidak dapat menerima apa-apa perkara yang kalau sekiranya tidak secara langsung dipaksakan untuk kita menerimakan secara sebulatnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menyatakan bahawa Malaysia tidak memusuhi Kerajaan Amerika. Adakah tindakan melulu 34 orang Ahli Kongres Amerika ini diiktiraf oleh Kerajaan Amerika dan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk membawa kes ini di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu supaya kita boleh membincangkan di peringkat antarabangsa.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita belum ada cadangan untuk membawa ke mana-mana forum. Walau bagaimanapun, kita ingin menyatakan di sini bahawa tindakan 34 orang Ahli Kongres ini adalah berasingan dari tindakan Kerajaan Amerika Syarikat dan mereka ini adalah membuat draf ini dan masih lagi dalam draf resolusi dan kita berusaha supaya mereka ini berunding secara menerima pendirian kita dan bahawa kalau boleh kita mengharapkan perkara ini dapat diselesaikan dengan baik.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar siapakah identiti 34 orang Congressman itu, kalau sedar bolehkah Yang Berhormat keluarkan nama mereka atau memberi nama siapa 34 Senator itu?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawabkan? Nama-nama semua sudah dikeluarkan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita telah memahami semua tetapi saya tidak ada senarai semua 34 orang ahli-ahli ini tetapi semuanya memanglah Ahli-ahli Kongres dan seorang yang telah berhubung dengan Duta kita ialah Congressman Westler.

POTONGAN RAMBUT ALA CREW CUT BAGI PELAJAR LELAKI

3. Puan Hajah Khatijah binti Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan untuk tujuan tatatertib dan mengesan sama ada seseorang budak lelaki itu ialah murid sekolah rendah atau sekolah menengah selepas waktu sekolah dan bagi menyeragamkan fesyen rambut, adakah kementerian akan mengarah semua murid dan penuntut sekolah mestilah potong rambut ala crew-cut supaya senang dikesan bila mereka hisap rokok atau lepak selepas waktu sekolah. Dengan berambut pendek ala crew-cut murid atau penuntut ini akan berfikir dua kali jika mereka ingin berbuat sesuatu perkara yang tidak diinginkan seperti lepak, ponteng sekolah, main snooker atau hisap rokok kerana mereka senang dikenalpasti kerana rambut pendek mereka seperti murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah di Thailand.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mewajibkan pemotongan rambut di kalangan murid-murid lelaki ala crew-cut. Sekolah-sekolah yang bercadang melaksanakan peraturan potongan rambut pendek bagi murid-murid lelaki hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada pihak ibu bapa.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai disiplin sekolah ini sama ada mengenai rambut, mengenai uniform, mengenai masalah gangsterism dan sebagainya yang dihadapi oleh sekolah, apakah tindakan Lembaga Disiplin Sekolah yang ada

pada masa kini sama ada di peringkat kementerian, di peringkat jabatan pendidikan negeri ataupun di mana sahaja berkesan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dalam mengawal permasalahan dan juga masalah disiplin pelajar-pelajar.

Di samping itu juga, apakah kerajaan sedar bahawa penurunan kuasa mengenai pelaksanaan disiplin ini kepada pengetua-pengetua, guru-guru besar dan juga guru-guru disiplin di sekolah ini terlalu sedikit. Apakah pihak kementerian tidak bercadang memberi penurunan kuasa yang lebih kepada mereka?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya kita dapati bahawa keadaan disiplin di sekolah-sekolah adalah memuaskan tetapi apa yang dibesarkan dalam surat khabar ialah selalunya sungguhpun kita ada lebih dari 4.5 juta pelajar-pelajar di sekolah tetapi kelakuan seorang, dua pelajar itu selalunya dibesarkan dalam surat khabar yang membayangkan seolah-olahnya itu bererti semuanya adalah berbuat demikian.

Jadi, Kementerian Pendidikan akan terus menjalankan satu kempen untuk menerangkan keadaan dan kita akan terus memberi nasihat kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar supaya kita lebih bukan sahaja mempertingkatkan tahap disiplin di sekolah, tetapi juga kita selalunya haruslah terangkan kepada pihak ibu bapa supaya imej dan maruah sekolah-sekolah itu

dapat dijaga dan dipikul bukan sahaja oleh sekolah-sekolah tetapi juga oleh masyarakat tempatan.

Dari segi pertolongan dan sokongan kepada pengetua dan guru besar, Kementerian Pendidikan selalu memberi sokongan yang cukup kepada mereka bahkan kita juga cadangkan bahawa sekolah-sekolah yang menghadapi masalah-masalah tertentu dari segi disiplin haruslah bekerjasama dengan pihak polis dan kita juga cadangkan bahawa sekolah-sekolah tersebut bolehlah mengadakan satu atau dua pegawai polis yang khasnya dihantarkan atau diposkan kepada sekolah itu sebagai liason officer, dengan izin, dan pertolongan dan sokongan dari pihak polis akan tentu memberi semangat dan maruah kepada guru-guru supaya mereka boleh melaksanakan peraturan-peraturan yang ditentukan bahawa sekolah-sekolah itu tidak diserang oleh pihak-pihak yang kita tidak izinkan mereka memasuki sekolah itu.

DASAR PERHUTANAN NEGARA- PELAKSANAAN KESELURUH NEGARA

4. Tuan Rosli bin Mat Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara dilaksanakan di peringkat nasional dan adakah negeri-negeri dapat melaksanakan dasar di atas.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan kedua-dua soalan Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad pada 16 Disember kerana ketiga-tiganya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perhutanan Negara 1978 telah diamalkan dengan berkesan dan dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Ia telah menjadi satu asas yang memandu halacara pengurusan dan pembangunan sektor perhutanan. Pada tahun 1992, dasar ini telah dikaji semula dan lapan peruntukan baru telah ditambah berkaitan perkara-perkara berikut:-

- (i) Perundangan Hutan;
- (ii) Perladangan Hutan;
- (iii) Perhutanan Tani;
- (iv) Keluaran Hutan Bukan Kayu;
- (v) Perhutanan Masyarakat;
- (vi) Pemeliharaan Kepelbagaian Hayat;
- (vii) Nilai-nilai Khusus Saintifik;
- (viii) Kerjasama Antarabangsa.

Negara kita mengamalkan sistem tebangan memilih dan bukan sistem tebangan habis (clearfelling), dengan izin, dalam menguruskan kawasan hutan terutamanya dalam Hutan Simpanan Kekal. Ini bermakna, pembalok-pembalok hanya dibenarkan menebang pokok-pokok yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan dan mengekalkan pokok-pokok lain untuk membesar bagi tebangan pusingan yang akan datang. Dalam kebanyakan keadaan terdapat cukup

pokok-pokok kecil dan anak-anak pokok semula jadi yang ditinggalkan untuk terus membesar dan mengeluarkan hasil di masa-masa yang akan datang tanpa perlu diberi rawatan silvikultur untuk membantu pokok-pokok ini hidup dan membesar dengan baik. Hanya sebilangan kecil kawasan-kawasan hutan yang telah dibalok iaitu kawasan hutan miskin yang perlu ditanam dengan tanaman mengaya untuk meng'kaya'kan kawasan tersebut.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad, dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah memperkenalkan pelbagai usaha untuk mengurangkan hakisan tanah dalam Hutan Simpanan Kekal, di antaranya termasuklah:-

- (i) Rancangan Pengurusan Hutan/Rancangan Menghutan Semula;
- (ii) Kawalan Kawasan dan Isipadu Pengusahaan;
- (iii) Penggunaan alat jentera dan teknik pembalakan impak rendah;
- (iv) Mengadakan zon penampan di kiri kanan sungai atau aliran air;
- (v) Pengawalan pembinaan jalan berpandukan kepada Spesifikasi Jalan-jalan Hutan untuk Semenanjung Malaysia; dan

(vi) Sistem Timber Tagging Dalam Pengawalan Operasi
Pengusahasilan Di Hutan Simpan Kekal.

Bagi memastikan barangan dan perkhidmatan dari Hutan Simpan Kekal dapat dihasilkan secara berterusan, Jabatan Perhutanan melaksanakan kaedah pengurusan hutan secara berkekalan terutamanya pelaksanaan Kriteria, Petunjuk dan Aktiviti Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Usaha ini adalah sejajar dengan komitmen negara kepada ketetapan Objektif ITTO tahun 2000. Untuk mencapai objektif tersebut, satu Jawatankuasa Nasional Pengurusan Hutan Secara Berkekalan telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini telah merumus dan mengenalpasti sebanyak 92 aktiviti yang perlu dilaksanakan.

Di peringkat Unit Pengurusan Hutan (Forest Management Unit) pula, sebanyak 84 aktiviti untuk menepati enam Kriteria dan 23 Petunjuk telah dirumuskan. Satu Jawatankuasa Pemantauan Teknikal Pengurusan Hutan Secara Berkekalan juga telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan semua aktiviti yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, mengenai pembalakan secara sah dalam Hutan Simpan Kekal bagi tahun 1995, 1996 dan sehingga Julai tahun ini, keluasan yang telah dibuka bagi tujuan pembalakan di Semenanjung Malaysia adalah masing-masing berjumlah 39,656 hektar, 37,587 hektar dan 21,609 hektar. Manakala kutipan hasil hutan oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1995 dan 1996 adalah masing-masing sebanyak RM374.1

juta dan RM359.7 juta. Manakala di Sarawak luas kawasan Hutan Simpan Kekal yang terlibat dalam pembalakan secara sah adalah 5 juta hektar dan kutipan cukai berjumlah RM50 juta.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dasar yang jelas tentang tanaman kayu hutan di tanah-tanah pertanian seperti sekarang galakan yang diberikan kepada tanaman jati mas, sentang, teja dan sebagainya. Apakah dasar jelas dari segi kementerian dan bagaimanakah penyelarasan dengan kementerian dan agensi-agensinya yang lain dan apakah galakan subsidi dan sebagainya yang berkaitan dengan kegiatan ini?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasarnya Hutan Simpanan Kekal adalah kawasan hutan yang dikekalkan kegunaan tanahnya sebagai hutan yang selama-lamanya. HSK ini diurus berdasarkan kaedah pengurusan hutan secara mampan yang lazimnya diklasifikasikan kepada empat fungsi utama iaitu hutan perlindungan untuk melindungi alam sekitar, penstabilan iklim, mengawal sumber air dan pemeliharaan kepelbagaian hayat. Hutan Berhasil untuk bekalan hasil hutan yang berterusan. Hutan Lipur untuk menyediakan tempat-tempat rekreasi dan Hutan Penyelidikan dan Pendidikan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

Jenis-jenis tanaman yang telah digalakkan adalah mengikut keadaan dan tempat semasa. Buat masa ini pihak RRIM iaitu pihak Penyelidikan dan

Pembangunan Getah telah pun mengeluarkan klon-klon siri baru iaitu RRIM 900 dan RRIM 2000 di mana klon-klon ini dapat mengeluarkan bukan sahaja latex tetapi kayu-kayu balak getah untuk digunakan untuk industri-industri hiliran seperti industri perabot. Tuan Yang di-Pertua, ini digalakkan buat masa ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pun sama sahaja dengan sahabat saya di seberang itu iaitu meminta kementerian sebenarnya, soalan itu belum berjawab, apakah dasar kerajaan sekarang ini dari segi menggalakkan tanaman-tanaman jenis baru ini iaitu sentang, kita tidak sentuh langsung tentang pokok getah, iaitu tanaman sentang, teja dan juga jati. Adakah kerajaan menggalakkan pengusaha-pengusaha menanam dari segi pekebun kecil ataupun dari segi ladang dan kalau ianya digalakkan, apakah jenis bantuan yang diberi kepada mereka supaya mereka dapat melibatkan diri. Saya ingat itu soalan saudara saya dan itu juga soalan saya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah pun menjawab soalannya tadi, kerana kita tidak boleh menjawabnya secara keseluruhan. Apa yang boleh kita tanam adalah mengikut keadaan di kawasan-kawasan tertentu dan seperti yang saya nyatakan tadi ada kategori-kategori yang telah ditetapkan dari segi Dasar Perhutanan Negara iaitu sama ada di bawah KSK atau di bawah tanggungjawab negeri itu sendiri iaitu

ladang-ladang hutan dan sebagainya. Maka tidak mampu untuk saya menyatakan bahawa sesuatu jenis itu harus digalakkan atau tidak kerana itu mengikut keadaan tempat dan juga tuntutan dan keperluan industri-industri hiliran yang harus dibekalkan dengan sumber-sumber ini.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Telah dinyatakan keluasan dan bayaran yang telah diterima oleh kerajaan mengenai dengan pembalakan secara sah di Semenanjung dan Sarawak. Bagaimana keadaan di Sabah dan apakah kerajaan atau Kementerian Perusahaan Utama juga terlibat langsung dalam penghutanan semula di negeri Sabah yang mana telah dilaksanakan baru-baru ini.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia tahu bahawa dasar atau mengikut Perlembagaan Persekutuan, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri dan hubungan kerjasama di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan ialah melalui Majlis Perhutanan Negara mengikut fungsi-fungsi yang telah ditentukan untuk memastikan bahawa tanaman secara berterusan dan berkekalan ini dilaksanakan.

Di negeri Sabah, sememangnya keadaan agak begitu kritikal dan baru-baru ini kerajaan negeri telah mengetengahkan satu pendekatan baru melalui Forest Management Unitnya di mana mereka telah mensyaratkan bahawa performance bond sebanyak RM5 juta dibekalkan oleh syarikat-syarikat yang

diberikan FMU-FMU ini satu perancangan jangka masa yang panjang untuk memastikan bahawa satu kaedah dan sistem yang dapat mengekalkan bekalan dan tanaman yang berterusan dan ini telah dilaksanakan selepas melihat kejayaan satu pilot project atau projek pertamanya di Derma Court, Sandakan dan ini sahajalah pilihan yang ada kepada kerajaan negeri dan kita berharap bahawa ianya dapat dilaksanakan kerana keadaan di negeri Sabah agak kritikal juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, Dasar Perhutanan Negara ini akan menjadi sangat penting di dalam sesebuah negara yang membangun. Apakah program kerajaan untuk memberi kefahaman kepada rakyat secara menyeluruh dan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu kurikulum supaya ianya boleh diajar di sekolah-sekolah?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan saranan Ahli Yang Berhormat kerana dengan keadaan baru-baru ini di mana cuaca berjerebu mungkin ada penekanan dan keinsafan di kalangan rakyat bahawa isu-isu alam sekitar harus diberi penekanan. Dan dalam keadaan sebegini dengan kesedaran yang sedia ada, kementerian sedang memikirkan satu kaedah atau pendekatan yang lebih agresif daripada apa yang telah berlaku selama ini. Tetapi dasar dan inisiatif untuk memastikan bahawa hutan-hutan kita kekal untuk selama-lamanya sememangnya ada, tetapi

kesedaran di kalangan rakyat jelata mungkin tidak menjadi priority sebelum kita dilanda dengan jerebu.

**PENCEMARAN - JUMLAH KAKITANGAN DAN KELENGKAPAN
BAGI TUGAS PENGUATKUASAAN**

5. Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kakitangan Jabatan Alam Sekitar di setiap negeri untuk tujuan mengesan punca pencemaran dan mengambil tindakan ke atas pesalah-pesalah yang melanggar undang-undang yang berkenaan; dan
- (b) adakah Jabatan Alam Sekitar dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang cekap dan kenderaan yang cukup untuk kakitangan-kakitangannya menjalankan tugas kerana selalunya tempat-tempat di mana kegiatan yang menyebabkan pencemaran adalah jauh dari pejabat mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu

Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kakitangan Jabatan Alam Sekitar di seluruh Malaysia yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang ialah seramai 247 orang. Pecahan bilangan kakitangan bagi setiap negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Jumlah
Pulau Pinang	25
Pahang	26

Johor	28
Selangor	24
Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan	12
Sarawak	22
Perak	18
Terengganu	14
Kedah & Perlis	10
Melaka	13
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	21
Kelantan	15
Negeri Sembilan	12
Kedah & Perlis (Langkawi)	7
	—
Jumlah	<u>247</u>

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar masih tidak mempunyai peralatan dan kenderaan yang mencukupi bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan. Bagi mengatasi kekurangan ini, kementerian sedang berusaha untuk menambahkan bilangannya dan meningkatkan kualiti penggunaannya bagi menentukan ianya lebih berkesan lagi dilaksanakan untuk tugas-tugas penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar sebentar tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati disebutkan Kedah, Perlis. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, tidakkah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan Jabatan Alam Sekitar di negeri Perlis kerana baru-baru ini apabila mengalami jerebu, negeri Perlis juga mengalami jerebu dan kita menghadapi masalah yang besar kerana tidak ada Jabatan Alam Sekitar di sana.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan untuk mewujudkan satu jabatan di sana kerana pentadbiran Kedah/Perlis ini baru sahaja sejak akhir-akhir ini dicantum. Kalau dahulu polis Kedah/Perlis pun ada di Kedah dan macam-macam jabatan sekarang mula diasingkan. Jadi, perkara ini sedang dalam perjalanan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan ini agak lain sedikit tetapi barangkali perlu dijawab. Tiga tahun lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan sebuah kilang yang memproses papan (sawmill) jauh daripada pekan Lahad Datu lebih kurang 15 kilometer dan pihak kementerian telah tidak membenarkan atas alasan bahawa ia akan mengakibatkan pencemaran.

Setahun selepas itu, saya tidak faham kenapa tidak dijawab walhal ianya berkaitan pembinaan kilang, mohon juga dijawab. Ianya telah telah didirikan yang jauhnya daripada pekan Lahad Datu lebih kurang 5 kilometer

dan ianya dibenarkan, sedangkan operasinya sama. Apakah pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyedari hal ini dan kalau menyedari, kenapa ini boleh berlaku?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini tidak ada kaitan dengan pembinaan kilang-kilang, soalan ini larilah. Jadi, saya minta maaf, saya tidak dapat hendak memberi fakta-faktanya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar bahawa jawapan yang telah diberi oleh pihak kementerian tadi tidak mencukupi tenaga. Soalan tambahan saya, adakah kementerian membuat penyiasatan yang terperinci mungkin masih ada kilang-kilang haram yang membakar barang-barang buangan secara tersembunyi, maksud saya di awal pagi, jadi ini menjejaskan alam sekitar. Jadi, bagaimana tindakan pihak kementerian.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang ada. Kalau kakitangan kita ada satu juta pun belum tahu ianya dapat berkesan kerana manusia itulah yang menyebabkan pencemaran ini semua. Kesedaran mesti timbul daripada manusia itu sendiri atau pemunya-pemunya kilang. Jadi, perkara seperti ini tindakan telah banyak diambil tetapi saya tak dapat hendak memberitahu satu persatu. Tetapi kalaulah mereka melakukan kesalahan sudah barang tentu kalau dilaporkan kepada pihak yang berwajib, kepada authority, dengan izin, maka sudah barang tentu siasatan akan dibuat

dan dibawa perkara ini ke mahkamah atau dikompaun mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sendiri pun boleh buat laporan, gunakan telefon cepat sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, masih ragu-ragu dari segi penguatkuasaan terhadap berlakunya pencemaran alam sekitar ini. Oleh kerana mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang pertamanya kekurangan kakitangan. Yang keduanya, mengharapkan laporan daripada orang ramai. Jadi, apakah program kementerian supaya pihak kementerian menggunakan penguatkuasaan denan kerjasama agensi-agensi lain supaya tidak perlu orang ramai memberi laporan.

Seterusnya kita memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang berkemungkinan besar berlaku banyak pencemaran. Misalannya di pelabuhan, di kawasan-kawasan industri, kalau kerajaan dapat kenalpasti tempat-tempat yang begini dan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang ada, saya percaya masalah ini boleh dikurangkan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita kena fikir positif jangan negatif. *[Ketawa]* Ragu mesti ragu! Sejauh mana pun kita hendak kawal di bumi Malaysia yang begini luas, masih lagi banyak orang yang hendak membuat pancaroba-pancaroba, orang yang akan memusnahkan alam sekitar. Jadi, soalnya penguatkuasaan bukan sahaja di tangan Jabatan

Alam Sekitar, kuasa diberi kepada polis, Dewan Bandaraya, majlis-majlis kerajaan tempatan ada.

Tuan Yang di-Pertua, ianya mesti dilaporkan, kalau tidak dilaporkan takkan boleh hendak pergi ke tempat pencemaran itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan!

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak berapa cukup ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya tidak berapa bersetuju dikatakan berfikir secara negatif. Sebab saya syorkan secara positif, hendak melibatkan agensi yang ada.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya kata jangan fikir cara negatif - positif! Jangan ragu-ragu, jadi memang keraguan itu kalau kita menimbulkan tidak boleh buat kerja dalam dunia ini. Jadi, itulah jawapan saya. *[Ketawa]*

SIARAN BERITA BAHASA TAMIL

6. Tuan S. Parasuraman minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa masyarakat India dalam negara ini berasa tidak puas hati dengan pertukaran waktu penyiaran Berita Bahasa Tamil dari pukul 5.30 petang ke 5.00 petang.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab bersama

soalan-soalan yang sama oleh Ahli Yang Berhormat pada 3 Disember 1997 dan 8 Disember 1997 kerana soalan-soalan ini ada kaitannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa penjadualan siaran bagi semua rangkaian televisyen adalah perkara biasa. Pada lazimnya penjadualan dibuat setiap enam bulan sekali. Bagi RTM, penjadualan dibuat untuk semua rancangan kecuali Berita Perdana pada pukul 8.00 malam. Penjadualan ini dilakukan untuk memenuhi matlamat dan fungsi stesen sebagai alat kerajaan khususnya dalam mencapai matlamat menyediakan maklumat, mendidik dan menghibur.

Ia juga bertujuan memenuhi selera penonton-penonton yang berubah dari masa ke semasa. Keperluan para pengiklan juga diambil kira dalam sebarang penjadualan. Sambil itu penjadualan semula menjadi lebih penting dengan adanya persaingan hebat antara stesen ketika ini.

Penjadualan semula Berita Tamil telah dilaksanakan sepanjang masa tanpa menimbulkan masalah kerana bagi mereka yang tidak dapat menonton berita Tamil, mereka boleh mengikuti perkembangan mutakhir mengenai Malaysia melalui Berita Perdana jam 8.00 malam atau Berita Akhir jam 12.00 malam.

Sesuatu perubahan penjadualan dibuat adalah berdasarkan hasil kajian penonton dan kesesuaian waktu siaran, bukan berasaskan kepada perkauman. Perasaan tidak puas hati dengan pertukaran waktu penyiaran Berita Bahasa

Tamil yang diterima bukan hanya untuk pukul 5.30 petang kepada 5.00 petang, juga untuk pukul 5.00 petang ke 5.30 petang. Oleh itu tidak ada pertukaran waktu penyiaran yang boleh memuaskan hati semua pihak.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana menyiarkan siaran Radio 6 iaitu selama 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, masyarakat India tertekan kerana tidak dapat menonton siaran berita Tamil di televisyen. Ini adalah kerana masyarakat India kebanyakan 65% terdiri daripada pekerja biasa. Saya fikir dengan sebahagian besar masyarakat India memahami bahasa Tamil dengan lebih mudah, jadi isu-isu itu dapat disampaikan dengan lebih baik. Oleh itu, saya minta waktu siaran televisyen berita Tamil, selepas pukul 6.00 petang.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih. Saya jawab tadi apabila kita tukar dari 5.30 kepada 5.00 petang, ada juga yang tidak puas hati, kita tukar dari pukul 5.00 ke pukul 5.30 petang ada juga yang tidak puas hati. Pada setakat ini kita lakukan berdasarkan permintaan ramai.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah perkara ketidakpuasan hati daripada masyarakat Tamil terhadap perubahan masa berita yang berkenaan dan kalau ianya bersesuaian saya juga amat menyokong kehendak dan keperluan daripada

masyarakat India supaya segala butiran maklumat dapat disampaikan kepada mereka.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menghargai masyarakat Tamil dan kita sentiasa memenuhi apa jua yang dituntut bukan hanya masyarakat Tamil tetapi lain-lain masyarakat, sebab bagi kerajaan kita tidak ada sempadan di segi perkauman. Memang banyak surat kita terima agar penukaran ini dibuat, tetapi banyak juga kita terima pujian agar penjadualan ini tidak dibuat.

TNB - GANGGUAN BEKALAN DI SANDAKAN

7. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan bahawa pentadbiran Lembaga Letrik Sabah telah diambilalih oleh Tenaga Nasional Berhad, tetapi gangguan bekalan elektrik masih kerap berlaku di Sandakan, bilakah bekalan elektrik di Sandakan dapat berfungsi dengan baik dan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Pengurusan Tenaga Nasional Berhad yang mengambilalih pentadbiran Lembaga Letrik Sabah telah mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan kapasiti penjanaan di stesen janakuasa Sandakan berada di tahap maksimum dan juga mengambil tindakan mengurangkan gangguan kepada sistem pembahagian di Sandakan.

Walau bagaimanapun, beberapa kerosakan besar telah dialami oleh set-set penjanakuasa di Stesen Janakuasa LLS Batu Api, Sandakan. Kerosakan ini

menyebabkan Lembaga Letrik Sabah hilang keupayaan penjanaan sebanyak 32MW. Ini menyebabkan Lembaga Letrik Sabah terpaksa mencatu bekalan elektrik kepada para penggunanya di Sandakan.

Kerja-kerja pembaikan yang menelan kos sebanyak RM1.5 juta telah pun dijalankan dan loji-loji janakuasa yang rosak telah mula beroperasi secara berperingkat-peringkat mulai bulan Ogos 1997. Keupayaan penjanaan sebanyak 67MW sekarang ini adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan maksimum sebanyak hanya 42MW.

Selain dari itu, bagi memenuhi keperluan tenaga yang semakin meningkat, sebanyak dua projek penjanakuasa bebas (IPP) iaitu Stratavest dan Sandakan Power akan dilaksanakan. Kedua-duanya mempunyai keupayaan terpasang sebanyak 60MW dan 32MW masing-masing.

Kerja-kerja meningkatkan sistem pembahagian juga dilaksanakan seperti pembinaan pencawang 33KV yang dijangka siap pada tahun depan. Dengan terlaksananya projek-projek ini adalah dijangka keutuhan bekalan elektrik di Sandakan akan bertambah baik.

SIJIL KHAS KELAYAKAN MEMANDU - ELAKKAN KEMALANGAN

8. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengeluarkan Sijil Khas Kelayakan Memandu berpandukan kepada kelayakan fizikal kesihatan, sikap dan kemahiran kepada pemandu-pemandu kenderaan awam bagi mengelakkan kemalangan yang sering melibatkan kenderaan awam. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mengeluarkan Sijil Khas Kelayakan Memandu berpandukan kepada kelayakan fizikal kesihatan, sikap dan kemahiran kepada pemandu-pemandu kenderaan awam bagi mengelakkan kemalangan. Ini adalah kerana pemandu-pemandu perkhidmatan awam sudah pun dimestikan menjalani pemeriksaan perubatan dan disahkan oleh pegawai perubatan bahawa pemandu tersebut mempunyai taraf kesihatan yang memuaskan dan layak untuk memandu kenderaan awam dan memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL).

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang mengakui bahawasanya pemandu-pemandu ini terpaksa menjalani ujian fizikal. Tetapi yang kita hendak tengok sekarang ini, memandangkan banyak sangat kes-kes yang berlaku diakibatkan oleh stress, traffic jam dan sebagainya terutama di Kuala Lumpur.

Jadi, saya hendak tahu adakah pihak kerajaan kalau sedar perkara ini berlaku hendak check pula, hendak siasat pula dari segi mental pemandu-pemandu terutama sekali dari segi pembawa kenderaan awam di Kuala Lumpur dan juta lori-lori besar, bas-bas ekspres yang cuba hendak memecut sehinggakan ianya boleh mengakibatkan pelbagai masalah dan juga merupakan road bully, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, bagi road bully, kita belum ada cadangan lagilah untuk check otak ataupun fikiran mereka yang terlibat [*Ketawa*] sama ada terganggu ataupun tidak, yang kita ambil tindakan adalah di bawah undang-undang yang sedia ada sama ada mengenakan denda ataupun hukuman penjara ataupun kedua-duanya sekali mengikut kes yang diputuskan oleh mahkamah.

PEMBAKARAN JERAMI PADI DAN POKOK TEBU DI KEDAH/PERLIS

9. Tuan Charern Intachat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk mengelakkan peladang-peladang dari membakar jerami padi dan pokok-pokok tebu di musim memotong padi dan tebu seperti yang diamalkan di negeri Kedah dan Perlis sekarang ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar tentang berlakunya amalan membakar jerami padi dan pokok-pokok tebu di musim memotong padi dan tebu seperti yang diamalkan di negeri Kedah dan Perlis. Pembakaran ini dilakukan bertujuan memusnahkan serangga, vektor pembawa penyakit virus dan bakteria serta perumah serangga oleh perosak padi di samping memastikan penyakit padi, serangga dan kulat padi dimusnahkan bagi tanaman berikutnya.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan masalah pencemaran udara, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa memberi ingatan

kepada petani-petani tersebut supaya tidak lagi melakukan amalan pembakaran terbuka. Pembakaran jerami dapat dikurangkan sekiranya ada cara atau alternatif lain untuk petani melupuskan jerami dan tunggul-tunggul padi selepas menuai. Penyelidikan untuk mencari alternatif lain sedang diusahakan oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti SIRIM Bhd., MARDI, BERNAS dan MADA. Sekian.

SISTEM SARAAN BARU (SSB) - KAJI SEMULA PERGERAKAN GAJI

10. Tuan N. Marimuthu minta Perdana Menteri menyatakan permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) terhadap cara pemberian pergerakan gaji ‘menegak’ dan ‘melintang’ kepada anggota kerajaan negara ini. Nyatakan sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula SSB terutama sekali cara pemberian pergerakan gaji. Berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat kerajaan Sistem Saraan Baru (SSB) telah berjaya mencapai matlamatnya. Kerajaan yakin tidak wujud permasalahan berhubung dengan pemberian pergerakan gaji menegak dan melintang. Ini kerana anggota yang benar-benar berprestasi cemerlang yang diberikan pergerakan gaji menegak dan melintang.

Tuan Yang di-Pertua, SSB adalah satu sistem yang baik bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan awam, justeru itu kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula SSB pada masa ini.

MARDI - BILANGAN JENIS PENYELIDIKAN DAN PENEMUAN BARU

11. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Pertanian menyatakan daripada hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dalam pelbagai komoditi pertanian:

- (a) berapa banyakkah jenis penyelidikan dan penemuan baru dapat dihasilkan sejak MARDI ditubuhkan; dan
- (b) jumlah penemuan yang telah diaplikasikan oleh usahawan tani.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, objektif utama MARDI ialah untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan ke atas pelbagai tanaman kecuali getah dan kelapa sawit, ternakan kecuali ikan air tawar dan teknologi makanan. Semenjak beroperasi pada tahun 1971 sebanyak 295 penemuan teknologi utama telah dihasilkan dan dikenal pakai oleh golongan sasaran. Penemuan tersebut merangkumi penghasilan produk baru seperti klon, variety, baka, makanan ternakan, makanan segera, mesin dan jentera, proses baru umpamanya pemprosesan makanan ternakan daripada pelepah kelapa sawit serta kawalan mutu makanan dan maklumat teknik sistem baru seperti teknik kawalan serangga, 'pengsuperobelan' dan pemindahan embrio. Teknologi-teknologi hasil penemuan penyelidikan MARDI dipindahkan kepada golongan sasaran melalui agensi pengembangan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan FAMA.

Selain daripada program membangunkan usahawan melalui program masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, ramai usahawan kecil

dan sederhana serta pihak swasta telah mendapat faedah daripada penemuan dan penyelidikan MARDI terutamanya dalam teknologi industri makanan melalui latihan teknikal, khidmat perundingan dan program anak angkat melalui MARDI-TECH Corporation Sdn. Bhd. juga usahawan dan sektor swasta telah terlibat dalam penyertaan ekuiti atau perusahaan-perusahaan bagi memajukan penemuan penyelidikan MARDI.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyebut iaitu kerajaan terpaksa mengimport bahan makanan berjumlah lebih daripada RM8 bilion dan sektor pertanian ini merupakan satu sektor yang penting, yang memerlukan satu reformasi. Oleh kerana MARDI ini memainkan peranan R&D, adakah pihak kementerian bercadang untuk menjadikan MARDI suatu institusi penyelidikan dan pembangunan khusus berkenaan dengan pertanian supaya ianya dapat merubah struktur pertanian negara kita.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang sebagaimana yang kita ketahui pada masa ini MARDI adalah khusus sebagai badan R&D bagi makanan walaupun ada sedikit unsur-unsur di mana MARDI juga terpaksa menolong teknologi penanaman tembakau dan sebagainya tetapi terlalu kecil. Yang besarnya, memang sebagaimana yang telah saya jelaskan, kita bersetuju dengan reformasi itu mesti dilakukan kerana kita tidak boleh lagi bertani secara

tradisional tetapi sebaliknya pertanian kita hendaklah cara komersial, tetapi apabila sebut sahaja komersial maka ini akan melibatkan modal dan akan melibatkan saiz tanah yang besar.

Jadi, dengan sebab itu kami di Kementerian Pertanian merayu kepada tuan-tuan punya estet sawit dan getah yang luas itu gunakan juga di samping untuk mendapatkan hasil sawit, maka mereka hendaklah dalam masa yang sama menggunakannya untuk ternakan-ternakan lembu, biri-biri, kambing dan sebagainya kerana dengan ini baru dapat menolong daripada kita import daging sebanyak 70,000 tan setahun, hampir RM400 juta kita belanja untuk daging sahaja. Jadi, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa kita mesti melakukan reformasi ini untuk masa depan negara kita khususnya petani-petani moden.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, ada pandangan yang mengatakan ada jurang yang amat jauh di antara hasil kajian dengan aplikasi oleh golongan sasaran. Maknanya, penyelidikan yang cukup baik dan paling terkini tetapi aplikasinya agak lambat. Ini mengikut pandangan adalah disebabkan oleh kelemahan di pihak pengembangan dan juga sikap ataupun propensity to accept change, dengan izin, adalah terlalu kesat, payah hendak menerima perubahan. Umpamanya kalau kita banding dengan Taiwan, Thailand, Filipina dan sebagainya kita jauh ketinggalan dari segi

mengaplikasi hasil-hasil penyelidikan. Itu pandangan yang diberikan. Apakah cara kementerian mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang sehingga ini kita kurang berpuas hati lagi dengan apa pencapaian sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya bersetuju pada dasarnya tetapi walau bagaimanapun, dari segi kejayaan memang kita ada sedikit sebanyak kejayaan, kita sudah pun capai banyak kejayaan tetapi kita belum sampai satu tahap sebagaimana yang telah dicapai oleh negara-negara maju, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat macam Taiwan atau negara-negara yang lain. Jadi, sebab itu kementerian saya akan memperbanyakkan kursus-kursus, seminar-seminar untuk membuka minda kepada petani-petani kita. Sebahagian daripada petani kita susah hendak menerima pembaharuan kerana mereka ini terlalu tua dan mereka ini mungkin tidak dapat lagi kita hendak beri pendedahan. Walaupun begitu, kita mengharapkan pertanian secara besar-besaran menerusi, sebagaimana yang saya katakan, ladang-ladang yang besar. Itu akan dapat menampung kekurangan bahan-bahan makanan kita.

Saya juga mengakui bahawa banyak penemuan yang saya sebutkan tadi tetapi belum berapa persen sampai di peringkat akar umbi kita. Misalnya katalah durian sekarang ini, kita import durian hampir RM20 juta, RM30 juta setahun dari negara jiran tetapi durian tempatan kita agak begitu mundur dari

segi kualitasnya. Kalau kita beli durian Siam RM5 sekilo, boleh dikatakan hundred percent kita makan dengan baik, kualitasnya baik, tetapi beli durian di Chow Kit Road dengan harga RM50, barangkali RM10 sahaja yang kita boleh makan, sebab kualiti tidak dijaga. Walaupun durian itu banyak, bertimbun-timbun, tetapi pokok yang lama itu tidak mempunyai kualiti dikekalkan. Jadi, kementerian saya akan menasihati kepada penanam-penanam durian ini tebang sahaja pokok lama itu dan gantikan dengan pokok baru. Balak pokok durian ini adalah kayu kelas nombor dua, sama dengan Meranti, boleh dibina rumah, buat furniture dan sebagainya. Jadi, kalau ini dapat diterima sebagaimana Yang Berhormat kata, kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat tolong kempenlah, jangan tinggalkan pokok-pokok pusaka yang tidak ada makna, sebaliknya gantikan dengan klon-klon yang telah ditemui oleh MARDI yang begitu produktif dan mempunyai kualiti yang baik.

SUKAN DITAJA OLEH SYARIKAT SWASTA - JUMLAH DAN JENIS

12. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejak 1995 berapakah jenis sukan telah dianakangkatkan oleh syarikat swasta dan berapakah jenis sukan telah diberhentikan tajaan dan sebabnya; dan
- (b) berapakah jumlah tajaan diterima melalui program ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat

binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Rakan Sukan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Ogos 1994. Sebanyak 28 syarikat telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menaja 27 Persatuan Sukan Kebangsaan. Sejak dari tarikh tersebut sebanyak 7 buah syarikat telah menarik diri manakala sebuah lagi menukar sukan tajaannya. Antara faktor-faktor penarikan diri syarikat-syarikat berkenaan ialah:
- (i) perubahan dalam pengurusan syarikat yang mengambil keputusan untuk tidak meneruskan tajaan;
 - (ii) pihak penaja tidak berpuas hati dengan masalah dalaman yang berlaku dalam pentadbiran persatuan sukan; dan

- (iii) pihak penaja tidak berminat untuk meneruskan tajaan oleh kerana merasakan pulangan yang diperolehi dari program ini tidak setimpal.

- (b) Daripada 21 syarikat yang masih menjadi penaja Rakan Sukan kepada 20 Persatuan Sukan Kebangsaan, sejumlah RM81 juta telah dipersetujui untuk tempoh di antara 3 hingga 5 tahun. Jumlah tajaan yang diterima oleh Persatuan Sukan Kebangsaan setakat ini untuk tempoh dari tahun 1995 hingga 1997 ialah sebanyak RM30,291,458.76. Untuk tahun 1995 RM9,489,197.56; 1996 RM11,725,994.58 dan 1997 RM9,076,256.62.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, dengan lulusnya Akta Pembangunan Sukan yang baru sekarang ini adalah dilihat tidak sesuai lagi dibenarkan syarikat-syarikat menaja sukan-sukan tertentu. Ini adalah bercanggah dengan dasar pembangunan sukan secara menyeluruh. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Tabung Pembangunan Sukan supaya syarikat-syarikat yang ingin menaja ini tidak boleh memilih sukan-sukan yang popular sahaja, menyebabkan sukan-sukan lain tidak membangun. Satu lagi, agihan kepada persatuan-persatuan sukan di negeri-negeri ini berbeza. Negeri yang banyak syarikat tajaan, maka pembangunan sukan di negeri itu lebih maju lagi sedangkan negeri seperti Perlis, bola sepak

sekarang ini masuk separuh akhir tetapi tajaannya kurang sekali. Jadi, ini boleh menyelesaikan masalah agihan peruntukan, dana pembangunan itu diselaraskan.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini memang sudah ada ditubuhkan dana untuk pembangunan sukan, malah kerajaan belanja berpuluh-puluh juta ringgit untuk membangunkan sukan di negara kita ini. Pihak kementerian berpendapat bahawa masanya sudah tiba untuk rakyat jelata terutamanya pihak-pihak korporat yang berjaya untuk memberi sumbangan yang setimpal kepada pembangunan sukan, maka mereka diberi pilihan untuk memilih mana-mana sukan yang mereka rasa akan dapat ditingkatkan prestasinya. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan saya utarakan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak berani jamin sama ada kita terima di pihak kementerian, tetapi terima kasihlah kerana memberi cadangan itu.

Keduanya, Yang Berhormat menyentuh sedikit tentang dasar pembangunan sukan tadi. Sebenarnya ini tidak bercanggah dengan dasar pembangunan sukan oleh kerana intipati akta itu ialah kami di Kementerian Belia dan Sukan finally, dengan izin, dapat mengawasi dan memantau pembangunan sukan di negara ini dan kita sentiasa meminta dan menggalakkan

sumbangan rakyat jelata di mana diadakan sama ada di Dewan Senate yang mulia ini ataupun ahli-ahli korporat supaya bekerjasama dengan kementerian untuk menentukan Malaysia ini terdiri daripada negara yang terunggul yang berbudaya sukan, setidak-tidaknya di rantau Asia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUPAN WANG 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997 iaitu satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurupan wang dan bagi perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya dibaca untuk kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memperkenalkan suatu rangka perundangan penyeliaan dan pengawalan perniagaan pengurupan wang yang lebih berkesan dan efektif selaras dengan perkembangan yang sedang dialami dalam industri pengurupan wang. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan taraf profesionalisme di kalangan mereka yang terlibat dalam menjalankan perniagaan pengurupan wang dan seterusnya menjaga kepentingan pelanggan mereka.

Perniagaan pengurupan wang adalah satu aspek dalam sistem kewangan kita yang semakin menjadi satu perkhidmatan yang penting. Pada masa ini

terdapat 1,012 pengurup wang berlesen di Malaysia. Buat masa sekarang perniagaan pengurupan wang adalah dikawal di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Walau bagaimanapun, oleh kerana sistem kewangan negara termasuk industri pengurupan wang mengalami perkembangan yang pesat pada masa ini, peruntukan-peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 adalah didapati terlalu lemah untuk memenuhi hasrat kerajaan membina rejim perundangan yang lengkap dan menyeluruh bagi perniagaan pengurupan wang.

Bagi mencegah kegiatan haram seperti pengurupan wang haram, pelaburan wang secara haram (money laundering) dan pemindahan dana yang boleh berlaku melalui perniagaan pengurupan wang. Satu sistem pentadbiran pengawasan perniagaan pengurupan wang dengan sokongan undang-undang yang berkesan amat diperlukan. Oleh yang demikian, perundangan yang dimaksudkan perlulah merangkumi pelbagai aspek yang dapat mencegah aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti tersebut di atas. Adalah lebih wajar sekiranya satu akta baru iaitu Akta Pengurupan Wang 1997 dikanunkan.

Rang Undang-undang ini juga akan menjadikan perniagaan pengurusan wang suatu industri yang lebih profesional dan memberi perlindungan kepada pelanggan. Rang Undang-undang ini juga mempunyai peruntukan-peruntukan yang jelas untuk menjaga kepentingan pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, struktur rang undang-undang mempunyai tujuh Bahagian dengan 61 Seksyen dan dua Jadual.

Bahagian I Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa yang mengawal selia industri pengurusan wang di mana Gabenor akan bertindak bagi pihak Bank Negara Malaysia dan akan menjalan, melaksana dan menguatkuasakan segala kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia di bawah rang undang-undang ini. Pihak berkuasa pelesenan iaitu Bank Negara Malaysia boleh melantik mana-mana pegawainya untuk melaksanakan kuasa pelesenannya. Ini adalah merupakan sambungan amalan pelesenan perniagaan pengurusan wang yang sedia dilaksanakan sejak tahun 1960. Kuasa pelesenan ini juga memperuntukkan alasan-alasan bagi pembatalan lesen sebagai usaha untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang lesen pengurusan wang.

Bahagian II memperuntukkan bagi pelesenan pengurup-pengurup wang, iaitu seorang yang menjalankan perniagaan pengurusan wang. Antara perkara-perkara baru yang dimasukkan di bawah Bahagian ini adalah pengenaan sekatan ke atas seorang yang menjalankan perniagaan pengurusan wang tanpa lesen yang sah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Hukuman yang lebih tinggi ini adalah bertujuan untuk mencegah kegiatan-kegiatan pengurusan wang secara haram.

Bagi memastikan operasi pengurusan wang adalah lebih jelas dan telus, Bahagian II memperuntukkan bahawa seorang pemohon lesen yang bertujuan menjalankan perniagaan pengurusan wang hendaklah merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai modal syer berbayar yang minimum, tidak terjejas oleh kerugian sebanyak RM100,000 atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Kriteria tersebut adalah untuk menunjukkan adanya komitmen pemegang lesen dan menggalakkan profesionalisme serta menentukan pengurusan yang lebih di dalam perniagaan pengurusan wang.

Bahagian II Rang Undang-undang juga memperkatakan mengenai tempoh lesen, iaitu selama lima tahun atau sebarang tempoh yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti yang tercatat di atas lesen. Ini adalah supaya memberi ketentuan kepada pemohon-pemohon yang berjaya bahawa mereka boleh terus menjalankan perniagaan pengurusan wang mereka untuk tempoh yang berpanjangan asalkan mereka mematuhi semua syarat dan peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Apabila dilesenkan atau apabila lesen dibaharui, suatu fee sebanyak RM500 atau apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri Kewangan hendaklah dibayar oleh pemegang lesen. Untuk menyenangkan semakan orang ramai dan melindungi pelanggan bahawa mereka menjalankan sesuatu urusan niaga pengurusan wang dengan pemegang lesen yang sah, Bank Negara Malaysia adalah dikehendaki menyiarkan setiap

tahun dalam warta satu senarai semua pemegang lesen pengurupan wang dan alamat pejabat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini juga memerlukan seseorang pemegang lesen memperolehi kelulusan bertulis terlebih dahulu kepada Bank Negara Malaysia bagi membuka sesuatu pejabat dalam Malaysia untuk menjalankan perniagaan pengurupan wang. Seseorang pemegang lesen hendaklah membayar suatu fee sekali gus apabila memperolehi kelulusan Bank Negara Malaysia bagi membuka sesuatu pejabat dan suatu fee tahunan bagi tempat utama perniagaannya dan setiap pejabatnya yang lain. Perkara-perkara ini adalah dihuraikan di Bahagian III.

Bahagian IV Rang Undang-undang pula menetapkan peraturan-peraturan mengawal selia terhadap cara seseorang pemegang lesen menjalankan perniagaan pengurupan wang demi untuk menjaga kepentingan orang ramai. Dalam hubungan ini, penggunaan perkataan-perkataan yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan perniagaan pengurupan wang adalah dilarang melainkan kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi terlebih dahulu. Bagi mereka yang dilesenkan pula, mereka dikehendaki melekatkan atau mengecat namanya dan perkataan-perkataan 'pengurup wang berlesen' dan dengan izin, 'licensed money-changer' di luar setiap pejabatnya yang diluluskan untuk menjalankan perniagaan pengurupan wang.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa setiap pejabat pemegang lesen yang diluluskan dibenarkan memegang mata wang asing sebanyak RM250,000 pada bila-bila masa atau sebarang had yang ditetapkan oleh Menteri. Tujuan peruntukan bagi mengenakan had ini adalah untuk mengelakkan aktiviti haram di kalangan pemegang lesen. Untuk mengelakkan aktiviti haram, pemegang lesen juga diharam bagi membuat pengiriman dana sendiri kepada pihak ketiga, kecuali pengiriman atau pemindahan tersebut dibuat melalui peniaga mata wang asing yang diberi kuasa iaitu bank-bank perdagangan atau membuat pengiriman atau pemindahan dana ke luar negeri bagi pihak orang ketiga sama ada secara terus atau tidak, termasuk melalui peniaga mata wang asing yang diberi kuasa.

Dalam Bahagian V Rang Undang-undang, kuasa penyiasatan Bank Negara Malaysia yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang yang dilantik sebagai pegawai penyiasat adalah dihuraikan. Bagi membolehkan pegawai-pegawai penyiasat menjalankan fungsi mereka dengan lebih berkesan, mereka diberi kuasa penyiasatan yang berpatutan.

Bahagian VI Rang Undang-undang memperkatakan mengenai pelbagai perkara berkaitan dengan tugas pengawasan oleh Bank Negara Malaysia ke atas industri pengurusan wang. Peruntukan-peruntukan menentukan sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan, pemberian kuasa kepada Gabenor Bank Negara Malaysia

untuk mengkompasun sesuatu kesalahan dengan amaun yang boleh dikenakan hendaklah tidak melebihi denda bagi kesalahan itu atau RM50,000, mengikut mana yang lebih rendah dan juga memperuntukkan bahawa sesuatu pendakwaan di bawah rang undang-undang ini hanya boleh dilakukan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya terlebih dahulu.

Bahagian VII mengandungi peruntukan pengecualian dan peruntukan peralihan seseorang yang pada masa ini dilesenkan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 untuk membeli dan menjual mata wang asing adalah disifatkan sebagai lesen di bawah rang undang-undang ini. Mereka yang dilesenkan hanya untuk membeli mata wang asing pula akan dibenarkan untuk menjalankan perniagaannya sehingga lesennya di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 tamat.

Jadual Pertama dan Kedua menggariskan mata wang daripada wilayah yang tidak termasuk dalam takrif “mata wang asing”. Dan kriteria minimum bagi orang yang “layak dan sesuai” untuk memegang jawatan sebagai seorang pengarah atau pegawai yang dengan apa-apa cara mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurusan wang seseorang pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah perlu untuk memastikan pengawalseliaan pemegang lesen yang lebih berkesan dalam industri perniagaan pengurusan wang. Peruntukan-peruntukan dalam rang

undang-undang adalah untuk melindungi kepentingan orang ramai dan bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan pemegang lesen memandangkan mereka adalah merupakan barisan hadapan di dalam industri pelancongan serta dapat memberi imej yang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan pengurusan wang dan perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

4.00 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini kita baru sahaja terima Bil ini, kerana di dalam sampul surat yang dihantar awal-awal Bil No. D.R. 32/97, D.R. 33/97 dan D.R. 35/97 tidak ada, jadi tadi saya minta, tidak tahulah kalau saudara lain ada menerima, semua tidak ada? Jadi saya pun merasa hairan

kenapa perkara ini boleh berlaku sungguhpun kita memang menyokong Bil ini kerana dalam keadaan sekarang ini amat memerlukan ianya dimantapkan lagi. Tetapi walau bagaimanapun, kalau pihak pengurusan dapat menyemak semula perkara ini supaya ianya tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang.

Di dalam hal perniagaan pengurusan wang ini, Tuan Yang di-Pertua, memanglah ianya memerlukan sistem yang merupakan satu dimensi baru, dimensi di luar arus perdana sistem kewangan. Kalau kita tengok di merata-rata tempat sekarang ini memang wujud peniaga-peniaga pengurusan wang ini di tempat-tempat yang strategik bagi memudahkan terutama sekali pelancong-pelancong untuk hendak menukar wang kepada mata wang kita iaitu Ringgit dengan Dolar Amerika, Paun dan sebagainya, tetapi sungguhpun ianya dapat menggalakkan dari segi kemudahan kepada pelancong-pelancong, ia patut juga dikawal dari segi kita hendak tahu bagaimana sistem kewangan kita, selain daripada bank yang ada sekarang ini dan juga syarikat-syarikat kewangan, pengurusan wang ini dapat dikawal supaya tidak ada gejala-gejala yang boleh merosakkan dari segi sistem pertukaran mata wang kita ataupun ditukar secara gelap (black market), ianya dibuat dengan punca kewangan yang tidak boleh disahkan dari segi undang-undang. Ini pun kita hendak tahu.

Jadi, saya tidak tahulah adakah laporan dibuat oleh peniaga pengurusan wang ini di mana kalau sekiranya jumlah wang yang ditukar pada satu-satu masa itu melebihi tahap tertentu, laporan dibuat kepada Bank Negara ataupun

pengawal-pengawal lain bagi kita hendak menentukan sistem ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu, terutama sekali dalam kita menghadapi krisis kegawatan pertukaran wang asing di mana Ringgit kita kini telah pun menjunam 30% lebih kalau dibandingkan dengan Dolar Amerika dan satu ketika kita tengok dalam surat-surat khabar, dalam media, kalau kita hendak tukar duit kita dengan Paun, kita tengok sampai US\$6.00, sampai RM3.50 bagi US\$1.00. Dalam keadaan seperti ini adakah pihak kerajaan dapat mengawal terutama sekali pengurusan wang ini supaya mereka tidak menyumbang untuk hendak menerukkan lagi keadaan pertukaran wang di negara kita.

Kita juga hendak tahu sungguhpun ianya berasaskan kepada desakan pasaran, adakah nilai pertukaran itu ada unsur-unsur kawalan supaya kita tidak dapat mana-mana pihak mengeksploitasi keadaan kewangan yang begitu tergugat dari segi pertukaran wang asing *vis-a-vis*, dengan izin, Ringgit Malaysia, adakah ianya dapat dikawal dari segi tidak ada mana-mana perniagaan pengurusan wang mengeksploitasi keadaan sehingga ianya menerukkan lagi keadaan pertukaran wang kita dan menjejaskan keyakinan, terutama sekali pelancong-pelancong. Dia datang dan tengok satu tempat ejen ataupun peniaga pengurusan wang di tengah-tengah Mall misalnya, dia hendak pergi ke situ kerana terdesak hendak tukar duit, tengok rupa-rupanya berbeza sangat dengan tempat-tempat lain, kerana dia orang asing, tidak tahu hal, dia

tukar juga, selepas itu pergi ke tempat lain tengok perbezaannya amat ketara. Ini tentulah sekali akan menghakis keyakinan mereka terhadap perniagaan pengurusan wang ini di mana pihak kerajaan menerusi akta ini kita mengharapkan dapat menentukan margin atau lebih ataupun perbezaan antara beli dan jual mata wang-mata wang ini tidaklah begitu ketara dari segi keuntungan yang dibuat oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengesyorkan kepada pihak kerajaan dengan adanya Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 ini mudah-mudahan sistem yang wujud sebagai dimensi ketiga - saya mengharapkan ianya merupakan dimensi ketiga selain daripada bank dan juga syarikat-syarikat kewangan, kita juga mempunyai perniagaan pengurusan wang - mereka dapat digalakkan secara menyeluruh, janganlah kita menyusahkan sangat mereka hendak mendapatkan lesen ini. Apabila mereka dapat menemukan syarat-syarat seperti yang tertera di dalam akta ini, kita cepatlah beri supaya merata-rata mereka dapat wujud terutama di pusat-pusat perniagaan dan ianya juga akan menentukan persaingan yang lebih terbuka, yang lebih telus antara peniaga-peniaga pengurusan wang ini dan ini tentu sahaja akan memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada mereka yang terlibat dari segi membeli dan menjual mata wang Malaysia dan juga mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tunggu sekejap.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, kita juga terpaksa menentukan, sungguhpun dapat lesen ini mudah tetapi tempat perniagaan pengurusan wang ini mempunyai keselamatan yang terjamin kerana kita takut kalau sekiranya ada mereka hendak pergi menukar wang di tempat pengurusan wang ini, tengok-tengok tempatnya tidak berapa selamat, keluar sahaja dapat duit Malaysia, dia tukar ke Paun, dia bawa duit Malaysia satu beg hendak keluar melancong, tiba-tiba kena rompak ataupun tempat itu tidak selamat, orang yang berniaga pengurusan wang itu sendiri terjejas. Saya tidak tahulah adakah pihak kerajaan mempunyai butir-butir di mana peniaga-peniaga pengurusan wang ini yang dicerobohi oleh penjahat dan juga perompak. Kalau ianya berlaku, adakah kita memastikan lokasi dan juga cara berniaga dan tempat perniagaan itu, macam kedai emas katakan, ianya mempunyai keadaan keselamatan yang terkawal supaya ianya memberikan jaminan keselamatan kepada mereka yang berniaga dan juga mereka yang mengambil bahagian dari segi pertukaran dan perniagaan pengurusan wang ini.

Saya juga ingin penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah kita dapat menentukan, adakah ianya mengetatkan lagi dari segi penyelidikan yang

dibuat ke atas mereka yang memohon lesen-lesen perniagaan pengurupan wang ini supaya mereka tidak terlibat di dalam perniagaan dadah secara sulit ataupun perdagangan-perdagangan lain yang boleh menentukan supaya mereka tidak terlibat dari segi, dengan izin, cycling mata wang atau wang yang didapati secara haram. Kita tidak mahu peniaga-peniaga pengurupan wang dijadikan sebagai pusat untuk hendak menghalalkan wang yang diterima secara haram menerusi kegiatan-kegiatan seperti dadah dan sebagainya. Dan apakah unsur-unsur ataupun syarat-syarat kawalan yang dikenakan kepada mereka terhadap usaha kita mengawal dan mengawasi supaya perniagaan pengurupan wang tidak menjadi punca kepada perniagaan-perniagaan yang dibuat secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga memerlukan dari satu masa ke satu masa peniaga-peniaga pengurupan wang ini ditemu duga oleh pihak-pihak tertentu, pihak-pihak berkuasa sekurang-kurangnya setahun sekali supaya mereka dapat maklumat terbaru berkenaan dengan mereka yang mempunyai perniagaan pengurupan wang ini kerana ianya begitu sensitif terhadap keperluan orang ramai dan juga ianya amat terdedah kepada mereka yang mungkin terlibat di dalam bidang-bidang yang tidak sah dari segi undang-undang. Jadi mereka terpaksa ditemu duga dari masa ke semasa, saya mencadangkan setahun sekali supaya bila hendak membaharui lesen itu kita dapat terus maklumat terbaru berkenaan dengan kegiatan-kegiatan mereka, adakah kaitannya dengan perniagaan-perniagaan lain.

Kita hendak tahu juga adakah pihak kerajaan mencadangkan supaya dari segi hendak meningkatkan, dengan izin, economy of scale, adakah kedai-kedai kecil ini mempunyai rangkaian-rangkaian. Kita menggalakkan mereka yang mempunyai lesen supaya kedai-kedai mereka ataupun pusat perniagaan pengurusan wang ini lebih daripada satu atau banyakkannya lagi, maknanya satu lesen. Macam saya tengok hari itu Pacific Interpack, misal kata, dia ada banyak, seluruh tempat perniagaan pun dia ada. Jadi kita mengharapkan adakah pihak kerajaan bercadang tidak hanya memberikan lesen secara satu persatu, maknanya sebuah syarikat itu satu sahaja outlet dia, dengan izin. Kita hendaklah sekurang-kurangnya ada outlet yang minimum yang boleh diterima oleh pihak kerajaan dan kurang daripada itu tidak boleh berniaga kerana ianya tidak mendatangkan rangkaian kedai-kedai yang boleh mendedahkan perniagaan mereka dan mereka juga mendapati economy of scale, dengan izin, dan seterusnya tidak menjalankan kegiatan competition, dengan izin, secara tidak sihat. Itu maksudnya.

Jadi saya mengharapkanlah tidak ada lesen yang diberikan hanya untuk satu kedai sahaja, satu tempat perniagaan sahaja. Ia sepatutnya dikaji dan setiap pemohon bila dapat lesen, terpaksa membuka sekurang-kurangnya secara minimum beberapa buah tempat perniagaan, maka barulah lesen itu dapat diberi. Berasaskan kepada itu, kemungkinan tahap kewangan kepunyaan perniagaan pengurusan wang ini sepatutnya ada mempunyai tahap minimum

yang agak tinggi sedikit. Kalau sekarang mungkin RM100,000, RM200,000, saya pun tidak tengok lagi berapa minimumnya sebab baru dapat Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997 ini, jadi mungkin ianya terpaksa ditingkatkan lagi. Kalau kita memerlukan mereka membuka lebih daripada satu cawangan, satu outlet, bererti kita mungkin memerlukan mereka ini mempunyai kewangan untuk dilabur secara lebih daripada apa yang sekarang ini ada. Ini boleh memperluaskan lagi dari segi perniagaan mereka dalam bidang pengurupan wang ini.

Saya juga ingin tahu adakah dengan wujudnya perniagaan pengurupan wang ini, dari segi syarat-syarat yang terkandung di dalam rang undang-undang ini serupa juga dengan mereka yang hendak buka perniagaan pengurupan wang di Langkawi dan di Labuan, terutama di Labuan sebagai kawasan pesisiran luar (offshore). Adakah mereka terpaksa juga mengikut syarat-syarat ini ataupun berbeza kerana pendedahan mereka dari segi pertukaran wang dan sebagainya berbeza dengan yang wujud di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai status pesisiran luar seperti yang wujud di Labuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara semacam ini terpaksa juga kita berikan penumpuan supaya ianya sentiasa terkawal. Dalam hal ini, saya mintalah pihak kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini sejauh manakah perniagaan pengurupan wang ini terjejas ataupun menjejaskan dari segi kegawatan yang kita tempohi sekarang dalam bidang pertukaran mata wang

antara Ringgit Malaysia dengan mata wang-mata wang seperti Dolar, Paun dan sebagainya. Adakah peranan perniagaan pengurusan wang ini menjejaskan sistem yang kita ada ataupun tidak. Kalau ianya wujud, apakah langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh pihak kerajaan bagi menentukan peranan mereka ini dapat dikawal sebagai sumbangan mereka terhadap meneguhkan lagi kedudukan kita daripada pendedahan secara melulu kepada unsur-unsur yang tidak sihat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita menyokonglah Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 yang dibawa oleh pihak kerajaan. Saya mengharapkan pandangan-pandangan kita diambil kira bagi menentukan perjalanan rang undang-undang ini dapat terus memberi keyakinan kepada mereka yang terlibat dalam perniagaan pengurusan wang dan mereka yang terlibat dari segi pertukaran mata wang antara Ringgit dan lain-lain mata wang kepada mata wang asing. Jadi, saya berdiri menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.15 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut merungut, sama dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai dengan Rang Undang-undang Pengurusan Wang

1997 ini kerana kita baru sahaja menerima rang undang-undang ini malah saya minta dengan pihak Parlimen tadi, dan rang undang-undang ini dikira penting dan ia merupakan rang undang-undang baru. Sepatutnya rang undang-undang ini dikirim terlebih awal kepada ahli-ahli Dewan Negara. Saya rasa ini very unplea coming, saya hendak tegur, sudah banyak kali kita tegur supaya rang undang-undang yang penting diserahkan kepada ahli-ahli Dewan lebih awal. Jadi sukar bagi ahli-ahli Dewan hendak membahaskan rang undang-undang apabila pada hari ini baru kita tengok draf undang-undang diedarkan. Saya terimalah rang undang-undang lain melalui pos beberapa hari yang lalu, tetapi itu yang kemudian, sepatutnya ini yang didahulukan, nasib baiklah saya ini kira-kiranya fast reader, [Ketawa] bolehlah saya baca lebih kurang hendak komen. Tetapi saya dukacita yang amat sangat kerana rang undang-undang ini penting tetapi lambat diedar pada sidang Dewan Negara ini. Nasib baiklah kita ini semua penyokong kerajaan, tidak seperti di Dewan Rakyat, kalau ada pun wakil daripada Kelantan dua orang sahaja, yang lain ini semua penyokong kerajaan. Kalau ada pihak-pihak yang tidak menyokong kerajaan, tentulah sukar, tentulah susah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 ini kerana bukan sahaja kena pada masanya, tetapi sepatutnya rang undang-undang ini sudah lama diadakan oleh pihak kerajaan. Mungkin kerana perkembangan ekonomi semasa sekarang ini barulah kerajaan

memikirkan, mungkin dua tiga bulan lalu, perlunya ada rang undang-undang bagi mengawal apa yang dikatakan ‘money-changing’ ataupun Rang Undang-undang Pengurupan Wang ini dan ianya dibuat, saya percaya, dengan begitu tergesa-gesa. Saya mengatakan ‘tergesa-gesa’ sebab apabila saya baca fasal-fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini, banyak yang tidak berapa pasti, tidak begitu spesifik. Saya akan huraikan nanti satu persatu mana yang saya sudah tanda dan saya hendak minta pihak kerajaan menjawab ataupun memberi penjelasan lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurupan Wang ini secara sepintas lalu kerana selepas ini kita Akta Bank Negara Malaysia, kemudian Bil Perbekalan Tambahan dan perbahasan Belanjawan dan banyak peluang untuk kita bercakap, terutamanya mengenai dengan krisis ekonomi dan kejatuhan nilai Ringgit, nilai mata wang negara kita.

Cuma saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sekali lagi secara rasmi dalam Dewan Negara ini sebagai anggota Dewan Negara iaitu serangan ke atas mata wang negara kita sekarang ini yang merupakan penyebab utama kepada krisis ekonomi yang sedang berlaku beberapa bulan ke belakangan ini sehingga menjadi isu yang begitu besar di mana ada pihak-pihak tertentu masih lagi memperkatakan bahawa kejatuhan nilai Ringgit dan krisis ekonomi sekarang ini disebabkan oleh pucuk pimpinan negara kita. Golongan

peniaga-peniaga masih lagi ada kedengaran suara-suara sumbang menyalahkan pucuk pimpinan negara, malah ada yang memperkatakan kalau saham hendak naik, kalau Ringgit hendak naik, Perdana Menteri mesti letak jawatan.

Desas desus ini banyak diperkatakan oleh pihak-pihak golongan peniaga-peniaga, orang-orang yang berniaga kerana mereka begitu emosi sebab mungkin mereka menghadapi kerugian yang besar. Cuma mereka tidak bercakap, tidak emosi sewaktu saham dahulu melonjak naik, di waktu 'bull run' beberapa tahun dahulu mereka membuat keuntungan besar, mereka tidak bercakap, mungkin mereka berpesta kerana kekayaan yang mereka perolehi, tetapi hari ini mereka melenting dengan menyalahkan pucuk pimpinan kononnya kejatuhan nilai Ringgit kita sekarang ini dan kejatuhan pasaran saham di mana pelabur-pelabur luar tidak datang oleh kerana persoalan 'crisis of confident' terhadap pucuk pimpinan negara kita. Saya sebagai ahli Dewan Negara menyangkal dengan keras tohmahan ini, andaian ini dan tidak lebih daripada perasaan kecewa mereka, tetapi pada masa yang sama memperlihatkan betapa mereka tidak bertanggungjawab.

Kita sudah dapati dengan jelas di mana bukan sahaja negara Malaysia, tetapi juga semua negara Asia malah sudah sampai ke negara maju seperti Korea Selatan, negara yang ke-11 terkaya di dunia, juga sudah pun memohon pertolongan daripada IMF. Negara Thailand lebih awal, Indonesia lebih awal menyerah diri kepada IMF manakala Korea Selatan terpaksa juga menyerah diri

kepada IMF, tinggal lagi Malaysia dapat mempertahankan kedudukan ekonomi. Walaupun kita menghadapi pelbagai tekanan, tetapi masih berupaya lagi di mana pucuk pimpinan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mempertegaskan bahawa kita sekali-kali tidak akan menyerah kepada IMF. Keupayaan kita tidak akan menyerah kepada IMF membuktikan bahawa kita mempunyai ketahanan. Tanpa ketahanan, sudah barang tentu kita sudah jadi Thailand ataupun sudah jadi Indonesia dan kita tidak akan menyerah kepada IMF dan saya berasa bangga, kerana kalau kita menyerah kepada IMF maka terlaksanalah impian pihak luar, iaitu berlakulah apa yang dikatakan 'new colonial', iaitu berlakulah penjajahan semula secara tidak langsung melalui rangka kerja ekonomi sebagaimana yang dilakukan oleh pihak-pihak luar.

Sebenarnya kita lihat yang kena serang ini hampir seluruh negara Asia dan sebelum ini negara-negara di Eropah juga pernah menerima serangan mata wang ini. Maka sebab itu kalau ada orang menuduh pucuk pimpinan yang bertanggungjawab adalah tidak benar sama sekali. Apakah jatuhnya Baht Thailand, apakah jatuhnya Rupiah di Indonesia, jatuhnya Peso di Filipina ataupun di Korea Selatan disebabkan pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Takkanlah kerana Perdana Menteri kita seorang, habis mata wang di negara Asia ini jatuh sampai ke Korea, tidak masuk akal langsung, cuma tinggal lagi kenapa kita dihighlight. Kita dihighlight bila nilai mata wang Asia ini diserang oleh kerana pucuk pimpinan

negara kita bersuara lantang. Kerana pucuk pimpinan negara kita peka dengan apa yang terjadi, maka bersuara mendedahkan kenapa nilai mata wang ini jatuh, oleh kerana serangan pihak spekulator, mereka yang tidak bertanggungjawab dengan menamakan salah seorangnya George Soros.

Perdana Menteri kita berani dedah, pemimpin-pemimpin negara lain tidak berani. Kerana Dr. Mahathir berani dedah, maka dia mendapat perhatian oleh pihak dunia dan menjadi serangan pihak Barat termasuk akhbar-akhbar dan media asing, bertubi-tubi just because our Prime Minister ini berani bercakap dan berani dedah apa yang berlaku, pihak lain tidak berani. Negara Thailand, Indonesia, Filipina, semua tidak berani, mungkin mereka ada sebab-sebab tertentu, macam Thailand mungkin kerana kestabilan politik, sekarang ini Perdana Menteri baru pula ambil alih, dalam masa dua tahun ini sudah berapa orang Perdana Menteri. Indonesia mungkin kerana mereka menerima banyak bantuan antarabangsa. Filipina juga menghadapi masalah kestabilan politik.

Kita, alhamdulillah, bernasib baik kerana negara kita stabil. Walaupun kita kecil, berbilang kaum pula, tetapi rakyat kita bersatu, negara kita stabil, kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi beberapa tahun - lapan tahun berturut-turut yang kita tengok, sebanyak 8% inflasi dapat dikawal, pengangguran hampir kosong peratus, kita dapat mewujudkan peluang pekerjaan menyebabkan jutaan orang luar masuk, maka negara kita sudah mula menjadi contoh dengan kehebatan pembangunan, dengan multimedia, dengan menara

pencakar langit, ini sudah banyak kali kita bercakap, dan pemimpin-pemimpin luar datang berduyun-duyun melawat ke Malaysia hendak jadikan Malaysia ini negara contoh, hendak belajar dengan Malaysia, maka ada negara-negara luar yang mereka ini mind-set mereka, dia command the world, mereka ini polis dunia.

Jadi apa yang dibuat oleh Perdana Menteri kita bila dia dedah apa yang berlaku, maka satu pemikiran baru apa yang dikatakan 'political and economic doctrine' yang dibawa oleh Dr. Mahathir di pentas dunia, di forum-forum antarabangsa, kalau dahulu tidak mendapat sambutan, mula menggerakkan kesedaran daripada negara membangun, negara selatan, negara dunia ketiga, negara Islam, maka ada pihak-pihak luar, negara-negara besar sudah mula merasa rimas, maka mereka berpendapat pengaruh Dr. Mahathir mesti dihentikan dengan cara perlekehkan negara Malaysia, iaitu menjalankan agenda untuk memecahbelahkan kestabilan politik negara kita, memecahbelahkan pemimpin-pemimpin kita melalui agenda surat-surat khabar asing, majalah-majalah asing kononnya dengan menyalahkan Dr. Mahathir mengenai dengan beberapa perkara yang menyebabkan ekonomi kita berkekrisis dan mata wang kita jatuh. Itu sahaja puncanya, sebab just because Perdana Menteri kita ini berani ke depan. Sebab itu kita cukup bangga dan saya ucap tahniah kepada Perdana Menteri kita.

Dalam pada waktu awal mereka menyalahkan pucuk pimpinan negara kita, hari ini semua pihak sudah mula mengakui kebenaran apa yang dikatakan oleh pucuk pimpinan negara kita. Dahulu orang tidak percaya, tetapi sekarang ini kita lihat sidang Komanwel baru-baru ini di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berjaya mengemukakan pandangan dan mempengaruhi sidang Komanwel supaya dijadikan salah satu agenda satu perjuangan di kalangan negara-negara Komanwel supaya soal pertukaran mata wang asing ini to regulate foreign exchange.

Perniagaan mata wang ini mesti ada peraturan seperti lain-lain bidang perdagangan, jangan dibiarkan seperti sekarang. Kemudian dibawa dalam ASEAN Summit juga mendapat sokongan, malah hari ini pun kita tengok Menteri-menteri Kewangan Negara ASEAN sudah mula bersidang, kemudian Perdana Menteri berjaya membawa perkara ini dalam G15 dan yang terakhir sekali di sidang APEC baru-baru ini, malah Presiden Bill Clinton sendiri sudah mula mengakui betapa bahaya dan tidak baiknya soal masalah pertukaran wang asing, perniagaan money foreign exchange (FOREX) kepada perkembangan ekonomi dunia. Insya-Allah, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi, satu lagi forum yang saya faham akan dihadiri oleh Perdana Menteri kita iaitu di Sidang Negara-negara Islam (OIC) di Tehran bermula pada 8 haribulan ini. Bererti Perdana Menteri dalam tempoh yang begitu singkat sudah cover semua, APEC, G15, ASEAN, kemudian OIC.

Ada orang bercakap, buat apa Dr. Mahathir sekejap-sekejap di luar negeri, tetapi cuba bayangkan mana ada pemimpin yang begitu aktif, proaktif dalam usia yang begitu lanjut tetapi cergas dan berupaya serta mampu mempengaruhi pemimpin-pemimpin yang menganggotai pelbagai pertubuhan yang akhirnya sudah menerima pandangan yang telah dicadangkan oleh Malaysia melalui Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Ini perjuangan bersama.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, minta jalan sedikit. Adakah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali sedar bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam mengemukakan pandangan mendapat sokongan daripada negara-negara sahabat dan negara-negara dunia yang ketiga. Tetapi ada negara-negara sahabat kita yang pada mulanya bersetuju dengan pandangan bersama dengan kita, akhirnya berubah fikiran setelah mendapat tekanan daripada kuasa besar mereka. Sebagai contoh umpamanya Menteri Kewangan Filipina - iaitu berita pada hari ini, menafikan bahawa beliau tahu tentang ASEAN Fund, pada hal Tan Sri Clifford Herbet telah menyebutkan bahawa ASEAN Fund adalah satu perkara yang sudah pun dibincangkan dan hari ini dia mengaku membuat ASEAN Fund, dia pula tidak tahu. Jadi, apakah pandangan Datuk tentang negara-negara sahabat yang seperti ini, yang tidak bersedia di dalam menghadapi masalah bersama.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah, soal adakah setengah-setengah negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Ini mungkin soal pelaksanaan, maknanya penubuhan ASEAN Fund ini salah satu daripada agenda, satu contoh. Tetapi yang saya suka menekankan di sini ialah mengenai dengan foreign exchange. Subject foreign exchange to regulate the foreign exchange, yang lain-lain itu seperti foreign fund, malah ada cadangan yang dibuat supaya kita ada satu currency sahaja untuk negara ASEAN seperti dengan European Currency.

Saya hendak tumpukan soal to regulate, maknanya diadakan peraturan di dalam soal urusan perdagangan mata wang asing ini. Ini yang pentingnya dan ini nampaknya mendapat sokongan, sekurang-kurangnya apabila dikemukakan cadangan tidak ada pihak yang menentang. Soal ada sokong atau tidak sokong dan kita sudah sebut awal-awal, sebab ada setengah-setengah negara, mereka tidak berupaya bercakap ataupun bersuara lantang, seperti negara kita Malaysia, sebab mereka mempunyai masalah mereka sendiri. Ini sahaja masalah, tetapi pada saya kita tidak perlu membesarkan soal adakah pihak-pihak untuk menyokong dalam hal-hal projek tertentu, tetapi yang pentingnya dari segi prinsip kita dapati negara-negara ASEAN bersatu sependapat iaitu bahawa jatuhnya nilai mata wang di negara-negara ASEAN ini, akibat daripada spekulator di mana rating foreign exchange ini tidak ada peraturan. Ini mesti

dibuat peraturan. Ini yang penting dalam soal jangka panjang. Soal hendak rescue operasi, soal krisis ekonomi - itu bab lain, saya hendak bercakap soal ini dahulu. Ini yang penting dan nampaknya alhamdulillah saya katakan tadi, negara kita sudah mula berjaya, semua pihak sudah terima. Jadi, nyata sekali tohmahan-tohmahan pihak tertentu menyatakan ini menyebabkan Perdana Menteri tidak benar sama sekali, malah Perdana Menteri kita boleh dianggap sebagai hero, sebagai wira, sebagai pejuang antarabangsa yang memang tidak ada tolok bandingnya.

Kalau kita hendak banding dengan pemimpin-pemimpin lain, yang bukan sahaja tidak berani bersuara, malah hendak mengeluarkan idea ataupun pendapat, mengengahkan, mendedahkan apa yang berlaku pun tidak berani. Jadi, kita sepatutnya sedar. Sebab itulah saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak-pihak tertentu yang sekarang ini bercakap secara negatif agar lebih sedar dan lebih bertanggungjawab serta membuktikan kita ini sebagai rakyat yang mempunyai semangat patriotisme, cintakan kepada negara. Janganlah perniagaan kita sehari dua waktu saham naik, kira berseronok, kita berbelanja besar, kita hidup mewah, saham jatuh sekali sudah kita berpekik-pekik, berkeria, emosi, histeria dan sebagainya. Memanglah ada pihak-pihak yang terpaksa gulung tikar, ada yang rumahnya kena lelong, macam-macam lagilah. Ini adat berniaga Tuan Yang di-Pertua. Waktu saham naik, waktu nilai Ringgit tidak jatuh,

waktu keadaan pembangunan ekonomi 8%, bahkan waktu itu orang yang berniaga ada juga yang bankrap. Ada juga yang rugi, hukum niaga ini, ada rugi, ada untung, dia tidak kira soal saham naik, duit naik, saham jatuh, berniaga ini ada waktu untung, ada waktu rugi. Kalau niaga untung sepanjang masa, jadi Bursa Saham tidak boleh jatuh, sepanjang masa tidak boleh jatuh. Adakah patut macam itu?

Saya pernah mengatakan dahulu bila bola sepak Malaysia lawan Laos, bila Malaysia kalah orang condemn Malaysia, bagai hendak 'rak', bantai Malaysia, kerana kalah dengan Laos. Pandangan saya kalau sudah tahu kita menang, kita beritahu awal-awal, tidak usah lawanlah, sebab kami sudah menang, tidak payah bertanding. Itu caranya. Jadi, seolah-olahnya we must always be a winner, kita berniaga mestinya rugi, jadi saham sentiasa kena naik. Tidak ada sedia payung untuk hujan. Kalau kita ada payung, kita tahu bila kita hendak sediakan payung waktu hujan. Ini tidak ada, bila sudah kena macam ini, kelam-kabut dan menyalahkan pihak kerajaan serta menyalahkan pucuk pimpinan.

Ini saya rasa betul-betul tidak patut dan tidak ada semangat patriotisme. Memanglah dalam suasana dunia perniagaan, saya katakan tadi memang ada untung, ada rugi. Cuma tinggal lagi yang rugi-rugi sekarang ini, ini pun saya ingat kerajaan pun patut belajar jugalah. Ini pun kadang-kadang satu perkara yang patut kita tegur. Bila kita lihat ada yang besar-besar, bila kena terpaksa

ada rescue operation dan sebagainya. Ini pun ada juga penyakit, Tuan Yang di-Pertua dalam bahasa Inggeris, dengan izin, sometime don't put all the eggs in one basket'. Ini pun ada juga.

Memang kerajaan kita sudah sedar, Perdana Menteri pun ada membuat kenyataan dalam beberapa bulan yang lalu supaya kita memperbanyakkan kelas pertengahan ini (middle class entrepreneur). Yang jadi ini disebabkan we have a certain people up there, and then gap di peringkat second level ini middle class entrepreneur, selepas itu orang yang biasa, iaitu golongan yang ketiga, rakyat yang makan gaji. Jadi, kita tengok bila sudah longgok dalam beberapa kumpulan yang besar-besar, bila saham jatuh maka disebutlah kerugian itu berbilion-bilion, sebab apa? Sebab kita longgokkan di situ. Ini pun satu pengajaran kepada pihak kerajaan supaya dalam mengagih-agihkan projek penswastan, projek-projek besar termasuk infrastruktur supaya diagih-agihkan secara lebih meluas, tidak ditumpukan kepada dua tiga gergasi, sebab kalau satu gergasi mati, yang lain habis mati. Ini yang saya tengok ada juga sedikit-sebanyak kelemahan yang kita boleh belajar iaitu supaya jangan kita longgokkan pada satu-satu kumpulan, sebab kalau dua tiga kumpulan itu kena, yang besar-besar ini, maknanya seluruh, the whole system collapse, seolah-olahnya begitu. Tetapi kalau banyak golongan pertengahan (middle class entrepreneur) - mungkin, tidaklah kalau berlaku kejatuhan macam sekarang ini tidaklah begitu serius.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mahu minta jalan.

Dato' Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta laluan kepada saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana tadi beliau ada menyatakan ada banyak sangat yang dilonggok-longgok pada syarikat tertentu.

Saya pun kurang faham kalau boleh Yang Berhormat Datuk Senator tolong nyatakanlah kepada siapa gergasi-gergasi yang dilonggok-longgokkan ini? Saya pun tidak berapa tahu supaya kita dapat memahami bagaimana cara-cara hendak mengatasinya di masa akan datang.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak payahlah beri secara spesifik, sebab Dato' Abdul Aziz pun tahu, ini umum. Saya bercakap ini bab umum dan saya boleh nyatakan begini. Contohnya, bila kita tengok kapasiti sesuatu syarikat besar, walaupun ia sudah di'listed' di stock exchange, tetapi kapasitinya terhad. Maka kita beri juga dan untuk menampung kos kewangan untuk menjalankan sesuatu projek, mereka terpaksa meminjam, 'gearing' tinggi. Jadi, bila 'gearing' tinggi, duit tidak ada, projek dapat, ha! Mulalah paper shuffling, 'suap' sana, 'suap' sini, langgar peraturan just to survive. Inilah yang terjadi, tak payahlah Dato' korek banyak-banyak lagi. Jadi, apabila saya cakap macam itu pun semua orang sudah tahu. Maksudnya begitu,

maksud saya supaya kita beri itu biar kena pada keupayaannya, kalau orang itu tidak boleh pikul 10 tan, jangan kita letak 12 tan - mati, sebab itu kita lihat apabila mereka dapat banyak peluang, dilonggok-longgok begitu. Orang ini pun satu hal juga, tamak, sebab itulah yang kena sekarang, yang besar-besar ini adalah kerana tamak. So, bila tamak, orang Melayu cakap, Tuan Yang di-Pertua 'Besar periuk banyak kerak'. Jadi, dahulu sudah sanggup mengambil risiko dengan projek besar-besar, sudah kena, terimalah padahnya, sebab tamak sangat. Tetapi bagi orang-orang yang berhati-hati macam saya [*Ketawa*] yang always calculative, tidak menjadi masalah - jatuh - jatuhlah, saya tidak kisah.

Saya bercakap dan mengatur tempat sekarang dan memberi ceramah. Saya kata apa hendak susah, duit jatuh tidak ada masalah bagi saya, kalau kita tidak melancung ke luar negeri, kita tidak membeli kasut Bally, kita tidak pakai Charles Jordan, kita tidak pakai Chanel 5, orang-orang perempuan pun kalau hendak pakai, pakai bedak yang kulit rambai daripada Kelantan - cukup wangi, tidak payah beli Chanel 5, tidak payahlah beli barang-barang luar. Misalnya air wangi ini - tidak ada masalah. Kita masih sihat dan kita belum kebuluran lagi, kita belum sampai ke peringkat keluar dalam surat khabar ada yang mati tidak makan. Alhamdulillah, kita tidak ada masalah.

Bidang pertanian kita walaupun tidak begitu maju tetapi sekurang-kurangnya sampai sekarang ini saya tengok pusat-pusat entertainment centre, saya berpusing pada waktu malam saya tengok ramai lagi, coffee house penuh

lagi. Kereta-kereta pun nampak sihat lagi, tidak ada yang selekeh, berselondeh, seluar pun sudah tercabut -overall okay. Jadi, bila heboh soal duit jatuh ini apa hal? Ia atas kita, sekarang ini betullah bagi orang yang belanja mewah tidak boleh pergi keluar negeri.

Dahulu kalau cuti pergi ke London, tetapi sekarang ini cuti di Malaysia. Kalau dahulu sampai 15 haribulan itu semua telefon - hanging, ada orang Islam pun, orang Melayu baru inilah, banyak yang hendak beraya, raya Krismas, raya New Year, Hari Raya Puasa itu mereka beraya di Malaysia ini kerana kena sembahyang Hari Raya bersama keluarga. Kalau tidak Hari Raya pun mereka pergi keluar negeri, sampai begitu. Tetapi kalau kita tengok musim Krismas, musim Tahun Baru - habis penuh. Kalau di London Oxford Street itu habis - saya dengar dan di merata tempat begitu juga, ke Amerika, ke Brisbane, ke Australia seluruh negara. Sekarang ini apabila kita sudah kena macam ini, hanya sekadar orang kata tunggulah tahun ini tidak payah pergi, mungkin tahun depan boleh pergi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada pergi sendiri.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya. Tidak payahlah dok 'keriau', dok 'maki' kerajaan, bila duit jatuh, saham jatuh, macam dunia hendak kiamat - belum lagi. Sebab itu kalau kita ada semangat patriotisme, saya rasa tidak ada

masalah, malah saya bangga, pada saya apa yang terjadi sekarang ini sepertimana kita kata dahululah, ini adalah sign of success.

Bila martabat bangsa dan negara kita telah naik macam bangsa-bangsa lain seperti bangsa Eropah yang maju, dari segi martabat kita, tentulah ada orang dengki, tentulah ada orang yang tidak senang hati, macam negara maju seperti negara Amerika, sebagai contohnya 'mind set'nya, dia control dan dia command the world, seperti yang saya katakan tadi, tentu dia tidak senang hati. Jadi, apabila kita hendak maju inilah harga yang kita kena bayar, the price we have to pay, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita mesti bersedia.

Bila kita maju kita hebat, maka ada orang dengki, sama juga kita dalam masyarakatlah, kita duduk dalam jiran sekampung, ada juga, kalau ada keluarga yang anaknya dapat 4A di dalam peperiksaan UPSR, anak pergi ke universiti, tinggi-tinggi. Ada juga seorang dua yang tidak senang hati - ada perangai macam ini, perasaan dengki, iri hati, tidak mahu tengok orang berjaya, sama juga dalam dunia, tambahan lagi dunia globalisasi sekarang ini. Jadi, ada juga pihak-pihak yang tidak mahu melihat Malaysia ini hebat, orang tidak mahu melihat Dr. Mahathir menjadi hebat. Dahulu orang sebut Tito - Yugoslavia, Jamal Abdul Naser - Mesir, Sukarno - Indonesia - sudah tidak ada. Pengasas negara macam ini sudah tidak ada. Ada vacuum, lepas USSR, selepas komunis runtuh, semua sudah mula balik ke pasaran bebas, Amerika merasa dia kuat, tidak ada orang boleh challenge, dia ini terus command the world. Jadi, tiba-

tiba muncul sebuah negara kecil yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sudah mula lantang, orang sudah mula terima, tentu mereka rimas. Tetapi sekarang ini orang sudah kenal Malaysia seluruh dunia.

Dua malam lepas saya tengok CNN live, ada sepintas lalu berita bersabit dengan sidang APEC dan bermacam-macamlah. Ada sidang akhbar Bill Clinton dan macam-macam pemimpin, sampailah ke giliran Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad - disebut itu, dalam TV itu sebut, commentator itu sebut, the controversial and the most outspoken Prime Minister - Mahathir Mohamad. Cara dia sebut, pada saya hebatlah itu. Kita sebagai rakyat Malaysia patut bangga, sebab kalau tidak hebat, dia tidak sebut macam itu, kalau kita 'kuyu-ryu' tidak bercakap, lemah sahaja, dia tidak akan sebut. Orang lain dia akan sebutlah. Your Excellency, Excellency the Prime Minister or the President of Bangladesh, dia boleh sebutlah, sebab tidak buat apa-apa, contohnya, tetapi Malaysia disebut macam itu, pada saya itu adalah kejayaan untuk pihak negara maju Barat ini marah - bukan senang, dia marah itu ada sebab.

Cuba kita tengok the other way round, kita tengok secara reverse psychology, maknanya bila dia marah atau di'attack' kita, itu menunjukkan kita berjaya. Kalau kita tidak berjaya dia tidak akan attack, dia puji pula, dia buai kita pula, tetapi kerana kita berjaya jadi dia attack. Jadi, itulah sebabnya

kita lihat apa yang terjadi sekarang, tetapi kita tidak perlu panik. Orang berniaga tidak perlu panik.

Saya cukup kesallah kalau ada suara-suara sumbang ini - ada lagi, bukan tidak ada - ada, masih lagi duduk bercakap-cakap dari mulut ke mulut, manakala kita patut bersatu di belakang pucuk pimpinan, sebab saya percaya kalau kita bersatu, macam kata pucuk pimpinan, insya-Allah kita boleh atasi masalah yang kita hadapi sekarang.

Mengenai penubuhan National Economic Action Council (NEAC) yang diumumkan baru-baru ini. Sekarang ini orang sedang menanti-nanti siapakah anggotanya dan macam-macam orang sudah komen. Jadi, saya harap dengan penubuhan ini nanti, saya percaya pucuk pimpinan lebih arif untuk melantik mereka yang berwibawa, yang boleh memberi sumbangan. Cuma ada jugalah pemimpin-pemimpin besar ini yang sudah berhenti membuat kenyataan yang begitu sinis.

Saya hendak refer kepada kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam dalam akhbar beberapa hari yang lepas. Kenyataannya menyatakan kita hentikan menyerang surat khabar Barat, jangan menyalahkan orang dan dia kata ada pemimpin-pemimpin yang berpengaruh, sudah banyak kali membuat kenyataan, tetapi nampaknya orang tidak peduli juga.

Saya rasa Tan Sri Musa Hitam ini, dia rujuk kepada mana-mana individu, saya tahu, saya dapat agak, tetapi saya malas sebut dalam Dewan

yang mulia ini, takut tidak betul. Tetapi saya tahu dia tuju kepada siapa kenyataan-kenyataan seumpama ini. Ini pun saya kira tidak bertanggungjawab. Soal kita serang media Barat, itu kita kena serang, sebab mereka tidak betul, jadi kita kena pertahankan maruah kita. Mengenai cadangan itu, berilah cadangan, kalau dia ada cadangan yang konkrit berilah cadangan. Soal atau kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh beberapa orang pemimpin yang berusaha untuk mendapat confidence pelabur-pelabur eloklah dia buat, apa salahnya. Contohnya kalau Tun Daim Zainuddin sebagai bekas Menteri Kewangan yang dilihat sebagai orang yang berpengaruh, dia membuat kenyataan hari demi hari untuk menolong memulihkan pasaran, apa salahnya.

Pada saya tidak ada salahnya, elok dia buat dan Tan Sri Musa Hitam pun bercakap ke arah itu juga, semua concerto effort, bercakap secara positif untuk membangunkan ekonomi, hendak menyelamatkan negara kita, bukan bila berlaku itu, nanti hanya tunggu hendak beri komen yang sedap orang dengar. Saya pun boleh bercakap, kalau setakat hendak komen, hendak suruh sedap orang dengar. Saya terpaksa tegur, sebab kadang-kadang keluarnya kenyataan dari seseorang pemimpin seorang dua macam ini lagi bercelaru, polimik lagi hangat, juga tidak boleh menolong keadaan, tidak boleh menolong memulihkan ekonomi. Kenyataan seumpama itu pun tidak boleh menolong menaikkan saham. Jadi, saya minta kalau mereka boleh buat kenyataan, besok saham kita naik, Ringgit kita 40 sen naik RM1 seperti dahulu, sama juga

dengan saham - buat kenyataan. Kadang-kadang hanya masing-masing lepas geram, hendak tunjuk 'act' sengaja hendak menyalahkan orang.

Dalam suasana seperti sekarang inilah testing dari segi soal kejituan kita, sebagai rakyat yang mempunyai semangat patriotisme, berkorban, kenyataan-kenyataan yang positif, bukan menyalahkan mana-mana pihak, sebab ini ancaman luar bukan ancaman daripada dalam. Kalau bergaduh daripada dalam - itu soal lain. Sebab itu kadang-kadang saya juga menyambut baiklah secara peribadi macam parti-parti pembangkang termasuk PAS, DAP dari segi kenyataan-kenyataan dan mereka mengatakan bahawa mereka sokong, mereka juga tidak menyalahkan pucuk pimpinan, walaupun di Dewan Rakyat tidak mengundi. Tetapi apabila balik ke kampung lain cakap, itu politik merekalah, hendak hidup. Politik mereka hendak hidup, jadi terpaksa kalau tidak nanti dia cakap di kampung sokong Barisan Nasional, susah pula, kerana dia sebagai sebuah parti pembangkang, kita faham. Tetapi sekurang-kurang positif yang saya kesal ini ada pihak-pihak tertentu cuba hendak 'menanggung', ini sengaja sekadar hendak menyalahkan golongan tertentu. Sepatutnya mereka ini membuat kenyataan-kenyataan yang konstruktif. Ini sekadar meminta ulasan, kita beri ulasan, hendak memberi gambaran hendak menyalahkan orang, itu patut begitu, patut begini. So, what can you do? Ini yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya cukup menyambut baik akta ini mudah-mudahan boleh membantu soal perniagaan mata wang ini, bukan

yang kecil-kecilan, yang berlesen ini. Pengurupan wang ini yang hendak dilesenkan dahulu tidak diadakan akta seumpama ini, pun juga boleh membantu, tetapi banyak perkara mesti dikaji.

Saya hendak bertanya pihak kerajaan apakah lesen ini akan dikeluarkan mengikut kawasan, maknanya polisi kerajaan macam mana, dari segi dasar. Adakah satu lesen akan dikeluarkan di satu bangunan. Shopping mall, complex di tiap-tiap lapangan terbang, mesti ada satu kedai pengurupan wang ini, bukan sahaja di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz ataupun di Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang nanti. Tetapi macam mana di Lapangan Terbang di peringkat domestik, domestik pun patut juga sebab kalau pelancong hendak tanya, dia tukar duit di airport, selepas itu dia pergi ke Kelantan, dia pergi ke Terengganu, dia ambil duit, dia kena tukar lagi. Sepatutnya ada di tiap-tiap airport, ini penting untuk menarik pelancong. Di shopping-shopping complex, syaratnya pula mestilah jelas. Ada setengahnya saya tengok yang membuka money changes ini di shopping complex Tuan Yang di-Pertua, kedai atau tempatnya itu sama dengan kedai yang menggantung buku, majalah, ia tersorok di belakang, macam orang hendak menjual dadah, tidak ada kelas, bukan jual dadah - minta maaf saya tarik baliklah itu tidak sedap dengar sangat, saya tarik balik. Cuma maksud saya 'lekeh' sangatlah. Ia bukan semestinya sama dengan finance company, tetapi levelnya kena catit, orang mudah nampak dan kita kena tetapkan pula waktu.

Kalau dia ada waktu berniaga pada pukul 9.00 pagi sampai pukul-pukul berapa kerana hendak memudahkan pelancong.

Saya tengok di luar negeri, kalau soal menukar mata wang ini, di setengah-setengah negeri 24 jam ada, pukul 10.00 malam pun ada. Tetapi di negeri kita pukul 5.00 petang sudah tutup. Yang paling buruk lagi ada juga yang membuka pengurusan wang ini dia boleh tutup, kerana dia ada seorang sahaja pekerja. Orang pun tahu hendak pergi tukar mata wang di satu kompleks, pergi pada pukul 3.00 petang dia tidak ada. Dia boleh tutup sekejap, dia boleh pergi minum, dia boleh berjalan jumpa kawan, dia hendak buka, dia buka, ini on his own time. Ada orang pergi buat serbuan dan saya pernah berpengalaman dan lokaliti itu mesti dipilih di tempat yang strategik. Ini banyak tukaran wang asing atau pengurusan wang ini, saya tengok banyak di hadapan Bank Bumiputra dan di belakang Jalan Melaka apa namanya itu?

Seorang Ahli: Jalan Masjid India.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha! Jalan Masjid India betul! Berlonggok di situ, sama dengan orang yang menjual 'muruku' dan sebagainya, di situ banyak. Yang berniaga ini kebanyakan orang Indialah. Di tempat lain tidak ada - tidak banyak. Kalau di shopping clompex yang besar hanya terdapat satu dua sahaja.

Saya rasa kerajaan patutlah mengadakan satu polisi, pertamanya ditentukan dari segi lokaliti, macam kita hendak memberi lesen bank ataupun

cawangan bank dan tempat-tempat yang saya katakan tadi, yang memudahkan pelancong-pelancong hendak menukar wang dan dikenakan syarat pula supaya ia dibuka sampai pukul 10.00 malam dan dia tidak boleh ditutup dengan sesuka hati. Yang lebih penting, ini ada satu lagi, pemegang lesen ini nanti sebagai rakyat Malaysia, dia berniaga kita beri lesen - janganlah pula seperti sekarang, bila Ringgit kita tidak stabil seperti sekarang, ada orang yang pergi hendak tukar duit Ringgit hendak dapatkan duit Amerika ataupun hendak membeli duit Amerika, dia tidak hendak jual. Inilah foreign exchange yang saya sebutkan tadi. Bukan sahaja George Soros dalam waktu Ringgit baru-baru ini, ada yang kecil-kecil pun main, sampai tidak hendak jual, sebab dia takut tukar sekarang ini, nanti Ringgit jatuhkan, duit Amerika naik. Jadi, bila kita tanya hendak tukar duit sedikit, dia kata “tidak ada”.

Saya ada pengalaman sewaktu saya hendak pergi ke Latin Amerika baru-baru ini, saya pergi hendak tukar duit dia kata “tidak ada”, dia kata “you keep your money”, sebab dia kata nanti you rugi dan saya pun rugi - tidak bolehlah macam itu. Orang macam ini pun mesti dihukum dan kalau rakyat kita tidak apa, tetapi kalau pelancong macam mana? Macam mana dia tengok imej negara kita? Macam mana orang luar datang hendak berniaga, hendak melawat negara kita kalau perangai atau fiilnya macam ini, sebab itu syarat-syarat ini mesti diketatkan, mesti ditentukan, soal lokaliti, soal time dan sebagainya.

Saya hendak refer satu-satu ini, Tuan Yang di-Pertua, yang mana sempatlah. Saya tengok di sini berniaga mata wang asing No. 1, Fasal 3. Kuasa ini duduk pada bank, kepada Gabenor Bank Negara. Selepas itu disebut di sini, syarikatnya mesti mempunyai modal syer berbayar yang minimum sebanyak RM100,000. Modal syer berbayar ini tidak kuat RM100,000, sebab bila orang membuka syarikat, hendak memohon lesen seumpama ini dia boleh capitalise, maknanya modal mungkin RM10,000 atau RM20,000 dia boleh adakan, masukkan harta semua sekali jadi RM100,000. Syarikat macam ini dia kena buat. Pandangan saya, saya tidak berapa bersetuju.

Sepatutnya modal berbayar okay RM100,000 mesti juga ia ada jaminan kepada kerajaan, bank guarantee macam finance company. So, anything happen, hendak rescue ada ataupun dinaikkan sedikit sampai RM500,000 biar ada nilai. Ini RM100,000 adalah modal syer berbayar. Ini just to produce share certificate sahaja, boleh capitalise, syarikat RM2 pun boleh, dibuka selama 6 bulan dia akan kaji, cari resit semua ini, kumpulkan, capitalise, producekan share certificate sebanyak RM100,000, jadi layak memohon. Saya rasa ini tidak boleh, syarikat berlesen macam ini kena kawal sedikit untuk hendak mendapat syarikat, hendak mendapat kelas PPK, Kelas F dan peniaga-peniaga lain itu okaylah. Maknanya kita pun faham, ada orang kita yang tidak berupaya hendak mencari modal sebanyak RM200,000. Kalau kita tekan kuat-kuat pun kita tidak boleh menolong seperti syaratnya mesti RM25,000 paid-up capital

baru boleh daftar dengan Kementerian Kewangan, dengan MITI baru dapat syer. Dahulu pun sedikit punya susah, terutamanya orang-orang yang tidak ada modal hendak berniaga, tetapi untuk ini, saya minta ditetapkan syarikat pengurusan berlesen, sebab mungkin pada masa hadapan ia akan menjadi penting. Jadi saya hendak bertanya sebab apa?

Saya ingin mencadangkan kalau pun hendak dikekalkan RM100,000 ini sekurang-kurangnya mestilah ada jaminan sebanyak RM50,000 bank guarantee dan kalau orang hendak menjadi ejen cat ICI, hendak menjadi ejen Malaysian Electrical Product (MEC), hendak menjadi ejen Proton Saga. Dia jadi ejen, sebelum dia dapat produk, kereta itu dihantar ke kedai dan barang-barang electrical MEC belum hantar ke kedai dia ataupun Sanyo Mitsubishikah, dia beri kredit 6 bulan, tetapi dia mesti ada bank guarantee. At least adalah syarat bank guarantee, biar jelas. Ini bolehlah ada kuasa, menteri ada kuasa, longgar ada disebut kuasa-kuasa ini, menteri boleh buat keputusan. Ini longgar, tetapi sepatutnya spesifik, katakanlah kalau RM50,000 dia kena bank guarantee, dia tahu, kalau dia membuat salah, duit aku RM50,000 - habis, kamu boleh forfeited. Tetapi kalau tidak ada bank guarantee, setakat modal berbayar RM100,000 dia buat salah, kerajaan hendak hukum dia pula pergi ke mahkamah sudah masuk jel, kena beri makan pula, duit lagi. Masa hakim habis lagi, masa peguam habis lagi, jadi apa form of punishment? Dia tidak rasa takut, biarlah dia beri bank guarantee RM50,000 atau RM30,000 at least

dia buat salah RM50,000 must be forfeited sekurang-kurangnya. Ini tidak ada di sini. Jadi, saya minta supaya disyaratkan RM100,000 syer berbayar okay dan setiap mereka yang diberi lesen mesti ada RM50,000 bank guarantee, sekurang-kurangnya bila kita dakwa dia di mahkamah, bicara di mahkamah, duit kerajaan habis dari segi proses kehakiman kerana hendak bicara ini, ada RM50,000 itu, jadi tidaklah rugi sangat kerajaan.

Saya hendak ajar kerajaan cara mana hendak mencari duit dalam waktu yang susah. Saya membuat cadangan macam itu, sebab itu saya tengok gopoh sangat. Saya baca Akta ini saya tengok gopoh sangat, tidak dikritik.

Selepas itu mengenai Fasal 8 yang menyatakan “bahawa apabila dilesenkan atau apabila lesen diperbaharui sesuatu fee RM500 atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri kena dibayar oleh pemegang lesen.” Ia juga memperuntukkan “bahawa satu surcaj di mana dokumen lesen sekiranya tidak membayar” - RM500.

Kerajaan ini saya tengok pelik betul, kadang-kadang yang generous - generous sangat. Yang patut tidak naik, dinaikkan, macam tol di lebuhraya contohnya. Itu hendak dinaikkan, yang ini pula RM500 - ini berniaga untung besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, takkan RM500. Sepatutnya satu lesen RM5,000, tiap-tiap tahun RM1,000 sebab kalau kita tengok macam sekarang ini, ketika duit jatuh - naik, jatuh - naik, turun - naik, berapa dapat untung? RM500. Naikkanlah sedikit, jadi boleh dapat

keuntungan, sebab yang hendak berniaga ini mestilah orang yang ada duit, sudah lama untung, walaupun sekarang ini yang hendak mendapat lesen, yang sudah beroperasi sekarang ini terpaksa dilesenkan balik, sepatutnya dinaikkanlah sedikit RM500.

Saya tidak berapa setuju dengan RM500 untuk berniaga pengurusan wang ini, generous sangat. Tol hendak naik, ini hendak naik, sepatutnya yang hendak naik tidak dinaikkan. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan apa rasional RM500 ini? Kerana ia generous sangat, lesen-lesen lain pun lebih mahal daripada ini, ini hanya RM500.

Kemudian Fasal 9 - memperuntukkan “bahawa sesuatu lesen hendaklah untuk tempoh selama lima tahun atau pun apa-apa tempoh lain sebagaimana boleh ditentukan oleh bank”. Ini pun nampak baik betullah akta ini - baik betul. Sepatutnya lima tahun ini lama dan perniagaan sepertimana saya katakan tadi sensitif, dia banyak syaratnya. Sepatutnya diberi lesen dua tahun dan selepas dua tahun itu dikaji, dua tahun pula, macam lesen kontraktor dan lesen teksi pun diperbaharui tiap-tiap tahun. Dicheck exhaust, enjinnya berasap atau tidak berasap dan sebagainya. Ini lima tahun diberi begitu sahaja, dua tahun, selepas itu diperbaharui dua tahun, janganlah lima tahun. Apa salahnya just to renew. Tengok keadaan dia macam mana kemajuannya. Ada orang kompelin atau tidak, kalau everything okay, itu automatik, sekarang ini komputer senang sahaja, tekan macam orang membayar lesen, automatik keluar lesen. Mengapa

sampai lima tahun? Tengoklah dahulu. Sebab itu saya kata, waktu baik, baik sangat.

Mengenai Fasal 13 - membuat peruntukan bagi seseorang yang lesennya telah dibatalkan untuk merayu pada menteri yang keputusannya adalah muktamad. Rayuan itu hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada bank. Saya mencadangkan sepatutnya rayuan itu diteruskan kepada menteri, sebab rayuan itu kepada menteri, dituju kepada menteri. Katakanlah lesennya kena tarik, dia kena dianiyai, kalau ada sebab-sebab kelemahan tidak apalah - betul dia melakukan kesalahan, dia melanggar syarat-syarat lesen, maka ditarik. Kita setuju 101% one thousand per cent, kita setuju. Tetapi ada juga waktu-waktu dan juga kelemahan sesetengah pihak tanpa disedari atau sengaja ada juga kontraktor-kontraktor pun kena di blacklisted kerana ada orang report bermacam-macam, jadi lesennya kena tarik dan dia hendak merayu pula.

Kalaulah Bank Negara sendiri itu yang mengeluarkan lesen, akhir sekali dia tarik, selepas itu merayu kepada menteri, tetapi kena merayu melalui bank dan diterima oleh pegawai yang sama. Dia telah membuat keputusan suruh tarik, takkanlah pegawai bank hendak pergi jumpa menteri, hendak nasihat, tolong beri balik, tidak logik, tidak masuk akal. Sepatutnya rayuan itu diteruskan kepada Menteri Kewangan ataupun Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, bunyinya sedap sedikit dan janganlah committee yang sama, ini dari segi keadilan. Jangan committee di Bank Negara ada committee

di Kementerian Kewangan. Committee di Kementerian Kewangan yang mengkaji supaya kajian yang dibuat itu betul ia melanggar syarat, maka bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh pihak bank ataupun mengarahkan bank supaya ditarik balik, beri semua lesen sebab tindakan yang dibuat tidak munasabah. Ini pun proses prosedurnya penting. Pada kita kecil tetapi boleh memberi masalah kepada orang ramai, kalau kita tidak betul dari segi prosedur, sudah tentulah kalau sampai ke meja yang sama, meja yang sama takkanlah dia hendak angkat. Hendak angkat pun satu hal, usahkan hendak sokong, sebab pegawai di sana yang membuat recommend takkan dia hendak angkat, disimpan di situ sahajalah. Itu yang kadang-kadang timbul masalah birokrasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk Fasal 30, saya hendak minta pihak kementerian menjawab, “melarang seseorang pemegang lesen mengirim atau memindahkan dana ke luar Malaysia. Walau bagaimanapun dia boleh mengirim atau memindahkan dananya sendiri melalui seseorang peniaga yang diberi kuasa”. Apa maksudnya? Dari segi soal mekanisme macam mana? Hendak kontrol macam mana? Ini tidak boleh, tetapi orang yang diberi kuasa boleh, apa yang dimaksudkan ini? Saya tidak berapa jelas, jadi saya hendak minta penjelasan supaya tidak ada loophole nanti, tetapi kita yakinlah selepas ini bila kementerian menjawab nanti, dia kata semua sudah okay. Kita sudah kaji semua ini, tidak ada masalah, ini beres, okay semua, kita pun lulus, selepas

pada tahun hadapan ada pula pindaan, kerana ada loophole, memang begitulah biasanya, tetapi okaylah. Ini sudah biasa, perkara ini kita buat, mana kita hendak nampak, tetapi tolong tengok loophole ini sebab pertamanya yang membuat rang undang-undang pun kita ini manusia, semua, kadang-kadang hendak cepat manalah hendak teliti, tetapi apa yang saya bangkitkan tadi, saya katakan saya nampak macam gopoh sedikit akta ini. Tetapi tidak apa sebab belum ada dan kita hendak menangani masalah, sekarang ini saya sokong, cuma tinggal lagi janganlah pula kita ada akta, akta ini pun tidak berkesan dan ia menimbulkan banyak pula masalah sampingan as beforelah! Ini kita kena berhati-hati.

Saya hendak sebut satu contoh kepada pihak Kementerian Kewangan. Saya kata berhati-hati ini begini. Sebab macam tol, kerajaan ini generous, bila membuat undang-undang kadang-kadang kita yang pembuat dasar ini kerap kaji, bincang, okay, yakin - terima, tengok macam tol. PLUS hendak naikkan harga tol lebuh raya. Saya tahu di EPU dahulu, siapa yang menjadi ketua pengarah, waktu lebuh raya belum dibuat lagi. Saya tidak hendak sebut nama, cuba balik buat homework. Selepas itu siapa pengerusi UEM sekarang, sewaktu UEM sign agreement dengan EPU dahulu, siapa ketua pengarah EPU? Yang saya bimbangnyanya jangan lagi ada insiden, ada perkara-perkara penting kita buat, kita serahkan kepada pihak-pihak yang tertentu dan selepas orang ini bersara, tokoh-tokoh yang penting dalam kerajaanlah, suddenly after one year

jadi chairman sana, jadi chairman sini, apa fasal boleh jadi chairman to certain company?

Saya hendak ungkit juga perkara ini sebab saya kira ini soal kredibiliti, sebab itu kadang-kadang saya bimbang dan takut. Jadi Kementerian Kewangan kenalah berhati-hati, sebab saya juga manusia, kalau saya diberi peluang saya pun 'bantai', saya tidak mengaku saya 'malaikat'. Kalau ada kelemahan tengok boleh 'bantai' 'bantailah', kaedahnya begitu, sebab itulah kalau kita tengok yang berumur 45 tahun atau 50 tahun sekarang ini, pencen atau bersara awal boleh, jadi kalau tengok peluang cerah dia buat kerja, dia pun kaji dan berunding dengan pihak swasta, ding - dong, ding - dong, lebih kurangnya, you okaylah, selepas ini, selepas you selesai, you cuti, you masuk ke syarikat kitalah ha! Begitu. Ini government sudah kena banyak saya tengok, government sudah banyak kena ini, sebab saya tengok tokoh-tokoh yang dalam swasta sekarang ini, from the government officer, ramai yang membantai orang politik, macam-macam dia kata orang politik, begitu-begini.

Saya tengok, saya check peratus yang menyertai pihak swasta ini tidak kurang tokoh-tokoh, pegawai-pegawai kerajaan yang tinggi-tinggi, yang bersara cukup umur, jawatan tinggi-tinggi. Saya bukan menyalahkan - tidak, cuma saya hendak menegur supaya next time tolong ambil perhatian, sebelum pergi kritikal. Sebab perkara ini kita tengok. Apabila timbul sesuatu masalah saya akan kaji Tuan Yang di-Pertua, whose who? Bila perkara itu berlaku, siapa

pula who, whose in that place. Maka kita boleh membuat kesimpulan, oh! patutlah dalam perjanjian ini tiga tahun boleh kaji semula turun-naik, sebab sudah dibuat dalam perjanjian. Siapa yang buat? Orang berkenaan. Orang berkenaan itu di mana sekarang ini? Sudah masuk dalam syarikat berkenaan, patutlah. Saya tegur awal-awal sebab ini adalah tanggungjawab kita untuk menjaga kepentingan rakyat, untuk menjaga kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Bil Pengurupan Wang ini saya menyokong penuh dan saya berharaplah bila ianya dilaksanakan nanti, biarlah ia menjadi undang-undang yang betul-betul berkesan dan pengurupan wang ini akan menjadi salah satu atau sebahagian daripada sistem kewangan negara kita. Jangan pandang kecil peranan pengurupan wang ini, kita ada bank, kita ada finance company, kita security company, kita ada stock brokerage, kita ada money brokerage dan kita ada pengurupan wang. Ini adalah sebahagian daripada the whole system kewangan negara kita. Jadi, biarlah ianya tulus, sistem kewangan ini biarlah betul-betul excellent orang kata, tidak ada tolak-ansur dari segi peraturan dan perundangan, supaya bila kita betul-betul tulus, ini pun boleh juga membantu menyakinkan semua pihak bahawa pentadbiran kewangan negara kita ini betul-betul kemas.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila jawab.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Saya mengucapkan terima kasih kerana ditimbulkan beberapa masalah yang penting. Yang pertama ialah mengenai sama ada peruntukan ini dapat mencegah kegiatan melabur wang secara haram ataupun money hindering. Sukacita saya mengambil masa lama sedikit untuk saya menerangkan kerana telah disediakan beberapa fasal supaya perkara ini dapat dicegahkan.

Yang pertama ialah mengenai peruntukan untuk membolehkan bank mengawal selia orang yang menjalankan perniagaan ini dan pelabur wang secara haram yang menggunakan perniagaan pengurusan wang atau melabur wang secara haram boleh dihalang daripada dilesenkan.

Jelas sekali kalau kita rujuk kepada Fasal 4, kerana dengan mengadakan rejim pelesenan Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengawal dengan lebih teliti pemegang lesen yang disyaki menggunakan perniagaan pengurusan wangnya untuk melaburkan wang secara haram atau untuk mengawal pemegang lesen supaya tidak dipergunakan oleh pelabur wang secara haram.

Yang kedua mengenai kriteria kelayakan untuk pemegang lesen, jelas sekali dengan adanya Fasal 5, di mana kita memerlukan pemegang lesen itu diperbadankan dan pemegang modal syer berbayar sebanyak RM100,000 ataupun lebih yang boleh ditentukan oleh Menteri Kewangan dari masa ke semasa sebagai satu syarat yang minimum. Dengan memenuhi syarat seperti ini, juga hendak ditentukan sama ada perniagaan yang sah telah dijalankan dan hanya dengan dapat memenuhi syarat-syarat seperti yang dikatakan tadi barulah boleh dikeluarkan lesen.

Cadangan supaya modal berbayar ini ditingkatkan ataupun ditambah pula dengan guarantee daripada bank ataupun daripada memperuntukkan aset dan sebagainya adalah satu cadangan yang baik, tetapi buat sementara kita akan menjalankan seperti yang telah dijadualkan dan akan mengkaji semula dari semasa ke semasa untuk memenuhi permintaan daripada pemohon-pemohon sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat penting sekali ialah kelulusan untuk menukar butir-butir pelesenan iaitu yang terdapat di Fasal 18, ini amat penting sekali, di mana kita dapat mencegah kegiatan haram, kerana dengan adanya peruntukan ini Bank Negara Malaysia dapat mengawal selia sesiapa pun yang mempunyai kawalan ke atas perniagaan pengurusan wang. Ini juga boleh mengelakkan perniagaan pengurusan wang digunakan sebagai

front bagi pelabur wang secara haram atau mengelakkan pelabur wang secara haram untuk memegang syer.

Satu perkara yang penting ialah pemegang lesen itu hendaklah menyediakan resit, iaitu terdapat di dalam Fasal 28, di mana pemegang lesen dikehendaki memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

Yang pertama, nama pemegang lesen, alamat dan nombor telefon, tarikh terus berniaga, satu nombor siri atau resit itu, amaun dan jenis mata wang yang ditawarkan oleh pelanggan, amaun serta jenis mata wang yang akan dikeluarkan kepada pelanggan, kadar tukaran mata wang, nama pelanggan itu, nombor pasport atau kad pengenalan dan sebagainya. Orang yang mengeluarkan resit atau pegawai yang memegang lesen itu hendaklah juga menandatangani resit itu dan hendaklah mengeluarkan resit asal kepada pelanggan. Ada juga di mana denda yang agak tinggi telah dikenakan iaitu RM10,000 itu secara maksimum adalah sebagai satu denda yang boleh difikirkan dapat mencegah orang-orang ataupun pemegang lesen untuk tidak melanggar seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang Bank Negara fikir penting ialah pegangan maksimum mata wang asing yang dibenarkan. Oleh kerana satu siri aktiviti pelabur wang secara haram adalah urusan niaga dalam amaun yang besar, jadi menghadkan pegangan mata wang asing kepada RM250,000 difikirkan akan menghalang pemegang lesen daripada digunakan bagi aktiviti

pelaburan wang secara haram. Juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali iaitu larangan pengiriman dan pemindahan dana di mana di dalam peruntukan ini pemegang lesen tidak boleh menjadi conduce oleh pelabur wang secara haram untuk menghantar dana yang diperolehi daripada aktiviti haram keluar negeri melalui seperti yang dikatakan peniaga yang diberi kuasa itu ialah bank perdagangan. Maknanya pengiriman keluar sebarang dana wang itu hendaklah dilakukan melalui bank perdagangan yang telah diluluskan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang boleh kita memastikan supaya pelaburan wang secara haram itu dapat dielakkan ialah, di Fasal 31 - 'melarangkan pemajakan, pemindahan, perniagaan pengurusan wang kerana dalam peruntukan ini pemegang lesen tidak boleh memajakan, memindahkan, menyerahkan perniagaan pengurusan wang kepada pelabur-pelabur wang secara haram. Oleh kerana terdapat peruntukan seumpama ini jadi Bank Negara Malaysia bolehlah mempunyai kuasa untuk memastikan supaya orang yang difikirkan sesuai sahaja boleh diluluskan untuk memegang lesen ini.

Satu lagi iaitu Fasal 32 - kelulusan untuk melantik pengarah dan sebagainya, juga adalah penting supaya pegawai-pegawai yang ada kepentingan dalam syarikat ini adalah daripada orang-orang yang sesuai, maka pengarah-pengarah yang boleh diterima oleh Bank Negara Malaysia sahaja adalah dibenarkan untuk memegang lesen dan ini boleh mengelakkan

seseorang pemegang lesen daripada dikawal oleh seseorang pelabur wang secara haram.

Satu lagi perkara ialah pengemukakan maklumat ataupun dokumen kepada Bank Negara Malaysia, jika Bank Negara Malaysia mengesyaki seseorang pemegang lesen itu terlibat dalam aktiviti melabur wang secara haram, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengemukakan maklumat ataupun dokumen untuk mengawasi aktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apakah Bank Negara Malaysia mendapati bahawa pengurup wang juga terlibat dalam spekulasi nilai wang asing. Jawapannya ialah selama ini, Bank Negara Malaysia tiada bukti untuk menunjukkan bahawa pengurup wang adalah terlibat dalam spekulasi mata wang asing. Apa yang diperhatikan ialah mereka berurus niaga dalam mata wang asing secara tunai dan mereka tidak dibenarkan untuk membuka akaun dalam mata wang asing seolah-olah untuk terlibat dalam spekulasi mata wang. Juga untuk memastikan iaitu nilai untuk pertukaran itu adalah patut dan smart. Ini adalah bergantung kepada daya permintaan dan bekalan juga amaun ataupun nilai tukaran itu adalah dikehendaki untuk ditunjukkan pada papan yang terdapat di dalam pejabat, di tempat yang jelas. Juga mereka boleh tawar-menawar, untuk mendapatkan satu harga atau nilai mata wang yang boleh dipersetujui ataupun mereka boleh membeli dengan harga yang lebih rendah daripada apa yang ditunjukkan dalam papan petunjuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kedai-kedai kecil boleh mempunyai rangkaian, kedai-kedai kecil yang dimiliki oleh pemilik tunggal dan perkongsian boleh dibenarkan untuk mencantum supaya menubuhkan satu syarikat besar supaya dapat memenuhi keperluan minimum sebagai sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM100,000. Ini bermakna tidak terjejas oleh kerugian. Apabila sudah diberi lesen, syarikat yang berkenaan boleh memohon untuk membuka cawangan sebagai satu rangkaian dan cadangan supaya dihadkan agar satu-satu syarikat itu sekurang-kurangnya mempunyai satu cawangan adalah satu cadangan yang baru dan saya percaya pegawai dari Bank Negara Malaysia akan mengkaji cadangan ini, iaitu hanya syarikat yang kukuh dan yang besar sahaja dapat membuka kedai pengurusan wang dan sekurang-kurangnya mereka boleh membuka satu cawangan lagi ataupun lebih.

Adakah outlet yang minimum, yang dicadangkan oleh kerajaan dan tahap kewangan serta kemampuan syarikat ditetapkan? Tuan Yang di-Pertua, bilangan outlet ataupun tempat kedai pengurusan wang di satu-satu tempat itu adalah terpulang kepada permohonan yang dibuat oleh sesiapa pun. Walau bagaimanapun kelulusan hanya akan diberikan sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan tersebut di tempat outlet yang dicadangkan. Maknanya airportkah, the Mall atau shopping centrekah, kalau terdapat keperluannya,

permohonan boleh dikemukakan dan siasatan akan dijalankan. Jika didapati ada keperluannya maka kelulusan akan diberikan kepada permohonan itu.

Mengenai apakah implikasi atas akta ini di Labuan dan Langkawi. Labuan telah diisytiharkan sebagai luar pesisir, manakala Pulau Langkawi adalah tidak. Ini bermakna Rang Undang-undang ini akan berkuatkuasa di Langkawi seperti yang terdapat di mana-mana tempat di Malaysia, kecuali Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan, lesen pengurusan wang hanya boleh dikeluarkan kepada sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Syarikat-syarikat Luar Pesisir di Labuan pula diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Walau bagaimanapun Syarikat-syarikat Luar Pesisir boleh membeli mata wang asing secara tunai dengan pengurup wang yang berlesen, yang dikeluarkan di bawah Rang Undang-undang ini. Maka mereka bolehlah berurusniaga dengan pengurup wang berlesen yang dikeluarkan di bawah akta ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana telah menunjukkan patriotism terhadap pucuk pimpinan kita yang tidak berbelah bahagi tentang pendirian Malaysia kita dalam krisis pertukaran mata wang. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk memberi serba sedikit tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam mendapatkan sokongan antarabangsa bagi cadangan untuk mengembalikan kestabilan dalam sistem kewangan serantau dan antarabangsa. Malaysia dan lain-lain negara serantau juga telah mengambil bahagian dalam pakej kewangan bergabung dengan kewangan antarabangsa yang disalurkan kepada Thailand dan Indonesia untuk membantu negeri tersebut mengatasi masalah ekonomi dan kewangan serta mengembalikan keyakinan pelabur.

Malaysia juga telah mengambil inisiatif mengemukakan cadangan untuk mewujudkan suatu struktur yang lebih formal bagi perdagangan mata wang ataupun dengan izin, currency trading serta rangka kerja untuk meningkatkan lagi ketelusan dan kecekapan perdagangan mata wang melalui pengawasan ke atas pergerakan dalam pasaran mata wang dan aktiviti spekulasi oleh dana pelindung nilai, dengan izin, hedge funds. Cadangan ini memerlukan sokongan padu masyarakat antarabangsa terutamanya negeri-negeri maju di mana terdapatnya pasaran mata wang yang besar dan aktif, sokongan daripada IMF yang bertanggungjawab bagi menjamin kestabilan sistem kewangan antarabangsa. Beberapa negara maju telah pun menyatakan sokongan terhadap cadangan Malaysia, pihak IMF juga telah menghantar satu kumpulan kakitangan ke beberapa pusat kewangan antarabangsa di negara maju dan negara-negara ASEAN pada bulan November bagi mendapatkan maklumat untuk mengkaji peranan dana pelindung nilai serta lain-lain pelabur institusi

dalam kegawatan pasaran kewangan rantau ini. Cadangan ini dikemukakan secara rasmi kepada Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN pada awal bulan Disember ini.

Sementara itu sistem amaran awal yang memberi petanda-petanda akan wujudnya ketidakstabilan dalam sistem kewangan amatlah penting, lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan dengan aktiviti spekulasi dalam pasaran mata wang. Sistem ini akan dapat membantu pihak berkuasa mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menangani sebarang faktor-faktor yang boleh membawa kepada ketidakstabilan. Sistem ini dilaksanakan pada pelbagai peringkat, terutamanya melalui pengawasan serta penilaian setiap negara tentang kedudukan asas-asas dan petunjuk-petunjuk ekonomi dan kewangan masing-masing menentukan sama ada wujudnya sebarang risiko, tekanan dari negara jiran serta pengawasan oleh IMF.

Krisis kewangan yang melanda rantau Asia Timur kini tidak seharusnya dianggap sebagai berpunca daripada kegagalan sistem pengawasan dan amaran awal yang sedia, kesan contagain daripada serangan spekulasi ke atas lain-lain mata wang di rantau ini di sebalik kekukuhan asas ekonomi Malaysia serta kurangnya maklumat tentang aktiviti spekulasi dana-dana pelindung dalam pasaran kewangan juga turut menyumbang kepada krisis tersebut. Apa yang perlu dilaksanakan kini adalah memperkukuhkan lagi pengawasan dan sistem

amaran awal yang sedia ada yang secara idealnya patut dilaksanakan dengan cadangan Malaysia sepertimana yang telah dinyatakan di atas.

Dalam hal ini, langkah awal untuk memperkenalkan suatu mekanisme pengawasan kerjasama bantuan kewangan serantau telah dipersetujui oleh negara-negara serantau dan pihak IMF dalam mesyuarat di Manila pada 18 dan 19 November yang lalu. Persetujuan di Manila telah memperakui peranan utama IMF dalam mengendalikan bantuan kewangan di rantau ini di masa hadapan dan mewujudkan suatu sistem pengawasan dan amaran awal yang khusus untuk rantau ini. Maklumat lanjut berkenaan dengan mekanisme ini akan dibincangkan di Jepun pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah pun dilancarkan baru-baru ini. Di antara agenda dan perkara yang akan dibincangkan itu termasuk, yang pertama prospek ekonomi dunia dan perkembangan dalam pasaran kewangan dan modal baru-baru ini oleh Mr. Michel Camdessus, Managing Director International Monetary Fund, dengan izin.

Yang kedua, laporan kajian IMF atau hedge fund dan peranannya dalam dinamika pasaran akan dibentangkan juga oleh Michel Camdessus. Juga perkara yang ketiga yang akan dibentangkan ialah cara untuk memperkukuhkan sistem kewangan dalam rantau ini oleh Masod Ahmad, Vice President World Bank dan juga perkara yang akan dibincangkan ialah penyediaan kemudahan

pinjaman serantau di Asia. Ini adalah antara perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam dua hari ini, dan saya percaya dengan adanya perbincangan seumpama ini bolehlah kita melangkah ke depan supaya kita boleh mencari satu jalan untuk penyelesaian krisis pertukaran mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah cuba dengan seberapa yang boleh untuk menjawab kebanyakan soalan yang telah ditimbulkan. Saya percaya juga kalau terdapat isu-isu ataupun perkara-perkara yang telah saya tercicir ini akan diberi perhatian dan diambil kira oleh pihak yang berkenaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Bagi Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997, iaitu bagi membuat pindaan ke atas Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibaca untuk kali yang kedua. Rang undang-undang ini bertujuan untuk memperkenalkan beberapa pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1998 berikutan daripada pengwujudan Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997 yang memberi kuasa statutory baru kepada Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa perlesenan dan pengawalseliaan terhadap industri perniagaan pengurusan wang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 1958 yang berbangkit daripada pembuatan Akta Pengurusan Wang 1957 seperti berikut:

- (a) Pindaan ke atas seksyen 16 bagi memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk membuat laporan terhadap kesalahan-kesalahan yang disyaki di bawah Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997 kepada polis atau orang-orang lain yang terjejas atas kesalahan itu;
- (b) Pindaan ke atas seksyen 30(3) untuk Bank Negara Malaysia mentadbir, menguatkuasa, menjalan dan memberi kesan kepada peruntukan Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997;
- (c) Pindaan ke atas seksyen 34 untuk menghendaki Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia supaya sentiasa memaklumkan kepada menteri mengenai polisi berkaitan dengan pengurupan wang di bawah Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997; dan
- (d) Pindaan ke atas seksyen 37(1)(e)(ii) untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia dalam membuat syor kepada pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurupan wang bagi memberi kesan terhadap tujuan Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah pada asasnya perlu bagi memastikan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalam Akta Bank

Negara Malaysia adalah diselaraskan supaya kuasa di sisi undang-undang dapat dilaksanakan dengan mudah tanpa kepincangan apabila Akta Pengurusan Wang 1997 dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

5.40 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memberi kuasa statutory kepada Bank Negara dalam penyelarasan Akta Pengurusan Wang ataupun Rang Undang-undang Pengurusan Wang yang telah dibentangkan baru sekejap tadi bagi tujuan penyeliaan tentang industri pengurusan wang di negara ini. Memang wajarlah tindakan ini diambil, dan kita juga tahu memanglah ini merupakan satu daripada tugas Bank Negara yang mana antara fungsinya ialah untuk mengawal jumlah wang untuk bank-bank

dalam negara mengawasi jumlah wang dan mengekalkan kestabilan ekonomi serta perseimbangan kadar perimbangan negara.

Dalam suasana krisis kewangan dewasa ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini memberi pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku pemimpin kita yang begitu berani dan tegas telah menyuarakan isu-isu utama dan sebab-sebab utama yang menjadikan krisis kewangan di rantau ini begitu ketara dan begitu menjadi kritikal. Jarang sekali kita dapat pemimpin yang berani mengeluarkan dan menyatakan sesuatu yang begitu pedih tetapi masih telah dapat diperkatakan, dan ini telah dapat memberikan satu ruang dan satu dimensi baru untuk semua negara di dunia ini melihat semula kepada sistem kewangan secara global. Kerana kita lihat krisis kewangan ini bukan sahaja telah melanda di Asia ataupun di kawasan Asia Tenggara, tetapi juga ianya mempunyai domino effect, dengan izin, hinggakan Amerika Syarikat sendiri merasa bahang krisis kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Bank Negara adalah merupakan satu institusi yang begitu penting di mana-mana negara di dunia ini. Kita juga tahu bahawa sistem perbankan sesuatu negara jugalah yang menentukan kestabilan kewangan di sesebuah negara. Setelah kita baca dan kita dapati bahawa krisis kewangan yang telah melanda secara global ataupun khususnya di Asia ini mempunyai beberapa sebab, dan sebab-sebab itu banyak berkaitan

dengan sistem perbankan, kerana sistem perbankan itu sangat berkait rapat dengan sistem kewangan.

Kita dapati bahawa sebab-sebab keruntuhan atau terdapatnya krisis kewangan ialah wujudnya pertamanya antara beberapa sebab ialah adanya spekulasi currency seperti yang telah dikatakan dan juga hedge fund operators, dengan izin, yang telah mengambil kesempatan dalam kelemahan ekonomi negara yang mungkin juga telah wujud kerana tidak adanya sistem kawalan yang berkesan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dalam negara kita ini kita perlu memperkukuhkan sistem amaran awal dan pengawasan bagi menjaga krisis kewangan yang telah menimpa negara.

Ini adalah satu perkara yang kita rasa walaupun kita spekulasi kewangan atau currency speculation ialah satu perkara yang memang selalu berlaku. Kalau kita lihat pun Bank Negara juga pernah terlibat dengan Gubernurnya meletakkan jawatan di masa dahulu. Tetapi currency spekulasi ini juga adalah merupakan salah satu sebab. Tetapi kita juga perlu melihat bahawa perkara-perkara lain juga seperti forward contract yang mana banyak berlaku di negara Thailand, tetapi mungkin di negara kita ini kita telah mengawasi perkara seperti forward contract ini agar tidak dapat berlaku. Mungkin cara kita mengawal kewangan kita lebih ketat.

Begitu juga dengan foreign short term loan investment ataupun pinjaman jangka pendek dari luar negara, atau kita kata 'duit panas' yang mungkin banyak memasuki negara juga yang perlu diberi perhatian dan perlu juga dikenakan peraturan-peraturan. Kerana kita tahu bahawa jikalau kita mendapati pinjaman dari luar untuk jangka pendek dan seterusnya bank pula memberi pinjaman untuk jangka panjang untuk projek-projek yang memakan masa lama, maka tentu sekalilah bila kita ada krisis kewangan kita akan menghadapi masalah.

Saya ingin mencadangkan bahawa Bank Negara dapat membuat peraturan-peraturan untuk memastikan bahawa short term loan investment ataupun pinjaman jangka pendek ini dapat diawasi supaya ianya tidak memberikan implikasi yang buruk, terutamanya dalam negara kita ini yang banyak membuat pembangunan dari segi harta ataupun pembangunan mendirikan berbagai-bagai bangunan. Tentu sekalilah ini merupakan salah satu masalah yang besar. Kita percaya kita mempunyai satu sistem atau mekanisme yang lebih cekal. Saya juga berharap pihak kementerian dapat memberi kepastian bahawa sistem yang ada di negara ini juga satu sistem yang telah dapat pralihat perkara atau masalah foreign short term loan, kerana kita juga tahu negara kita ini banyak bergantung kepada investment dari luar termasuklah juga duit yang dimasuk secara jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara kita juga perlu mengawasi jumlah wang yang ada di dalam negara dan ia juga merupakan bank yang menentukan peraturan-peraturan yang dikenakan kepada bank-bank yang ada di negara ini. Tentu sekali dalam keadaan krisis kewangan sekarang kita perlu berfikir apakah sistem perbankanan kini yang ada. Sebenarnya ianya merupakan satu sistem yang sepatutnya diteruskan. Saya ada terbaca dalam satu ensiklopedia yang memberikan penerangan tentang peranan Central Bank yang mengatakan sebenarnya struktur perbankanan kini, ini adalah satu pandangan daripada Amerika sendiri, adalah melalui satu tempoh masa transisi dan perlu distruktur semula.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, tibalah masanya kita cuba mengkaji semua sistem perbankanan yang ada, apakah prinsip-prinsip perbankanan yang telah kita warisi dari penjajahan perlu diteruskan. Adakah boleh kita melihat kepada sistem perbankanan yang telah diperkenalkan di negara ini. Prinsip-prinsip perbankanan Islam yang kita dapat lihat tidak boleh mewujudkan spekulasi, tidak pula mengenakan kadar faedah dan ianya juga tidak membolehkan apa jenis spekulasi yang saya sebutkan tadi yang membolehkan seseorang itu membuat pinjaman dan selepas itu mendapat keuntungan dalam jangka masa yang pendek.

Kalau apa yang saya sudah faham, apakah sistem mudarabah, ianya tidak akan dapat membolehkan seseorang itu menspekulasi dalam penjualan harta.

Contohnya, seseorang itu tidak boleh cuba spekulasi harga rumah dengan membeli rumah dan kemudiannya dalam tempoh masa yang pendek menjualkan dengan harga yang tinggi. Kalau dalam sistem perbankanan mudarabah ia tidak akan mendapat keuntungan sepertimana ia boleh dapat dalam sistem perbankanan biasa. Ini tentu sekalilah pada hemat saya merupakan satu mekanisme yang membolehkan kita membanteras apa jenis spekulasi yang merupakan spekulasi-spekulasi yang menyebabkan kelemahan dalam sistem kewangan negara kita.

Kita perlu lihat bahawa salah satu sebab mengapa menjadi krisis kewangan seperti saya sebutkan tadi selain daripada spekulasi property ataupun harta, dengan izin,, Tuan Yang di-Pertua, ialah spekulasi ataupun mungkin pinjaman-pinjaman untuk pasaran saham dan juga syarikat-syarikat kewangan dan juga pinjaman-pinjaman yang tidak produktif, contohnya membeli kereta-kereta mewah dan sebagainya. Juga tuntutan ini kita tahu tentang masalah credit card. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang menjadi satu tanggungjawab Bank Negara untuk menyelaras dan cuba memberikan satu alternatif baru untuk kita memastikan sistem perbankanan, sistem kewangan negara ini lebih kukuh.

Saya ingin mencadangkan dan mungkin sudah wujud di Bank Negara satu unit penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sepatutnya bukan hanya melihat kepada masalah secara ad-hoc basis bila berhadapan dengan masalah

tetapi perlulah merupakan satu unit yang lebih berpandangan jauh dan dapat menerokai bidang-bidang baru dalam sistem kewangan. Sebab sistem kewangan ini adalah satu yang berkembang dan ia bukannya jumud dan tidak dapat bergerak dan tidak dapat boleh diubahsuai.

Kita juga perlu lihat bahawa Bank Negara walaupun mempunyai kuasanya perlulah mungkin dalam unit R&D itu membuat kajian semula kepada semua rang undang-undang perbankan yang ada. Saya ada membaca surat khabar tentang margin call dan sebagainya. Jadi, mungkin Bank Negara perlulah melihat tentang bagaimanakah mengubah peraturan dalam undang-undang perbankan supaya dalam situasi-situasi yang tertentu dapat mengatasi masalah bukan setakat ia hanya mengeluarkan arahan-arahan yang mungkin tidak dipatuhi oleh bank-bank, kerana bank tentu sekali akan memikirkan tentang untung nasib bank itu. Ia tidak akan mempedulikan tentang secara keseluruhannya, mungkin nasib negara atau rakyat. Patriotisme hanya akan timbul kepada kebanyakannya ialah oleh ahli-ahli politik, mungkin di dalam Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, tetapi dalam business atau perniagaan agak kurang ada patriotisme. Kalau tidak tentu sekalilah Dato' Seri Dr. Mahathir tidak mengatakan bahawa the currency speculators telah mengkesploitasi keadaan, mengambil keuntungan di atas nasib buruk orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Bank Negara yang juga merupakan bank utama dan penyelaras aktiviti-aktiviti perdagangan ialah tentang bagaimanakah kawalan-kawalan yang dapat dibuat terhadap pengeksport-pengeksport yang menyimpan duit di luar negara. Adakah kawalan-kawalan telah sedia diadakan oleh pihak Bank Negara dan adakah pihak Kementerian Kewangan sebenarnya mempunyai kawalan-kawalan tertentu.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa memang kita telah mewujudkan beberapa kawalan dan mempunyai tindakan tertentu. Tetapi saya percaya bahawa apa yang telah berlaku, yang telah dinyatakan ataupun mungkin dapat dilihat dari negara jiran kita yang mungkin negara Thailand contohnya lebih teruk daripada kita, kerana mungkin kawalan mereka tentu tidak berapa tinggi. Tetapi saya pasti apa elemen-elemen yang telah berlaku di sana juga ada elemen-elemennya di sini. Kalau kita mempunyai peraturan-peraturan untuk menjaga devaluation of money, tentu sekalilah dalam negara kita sendiri juga ada mempunyai mekanisme-mekanisme yang tertentu.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di universiti-universiti ada diwujudkan unit-unit penyelidikan khusus tentang kewangan dan perbankan. Sebab krisis yang berlaku ini adalah satu krisis yang bukannya perkara yang selalu berlaku, tetapi ianya satu perkara yang sangat mengejutkan

sehingga ramai orang terpanam dengan apa yang berlaku. Saya percaya perkara ini tidak sepatutnya menjadi satu yang kita tidak boleh bersedia. Kalau banyak diperkatakan tentang the baloon will burst atau the crack will finally fall, ini adalah perkara yang sebenarnya sepatutnya dalam kes kita di negara Malaysia ini kita lebih berasa beruntung, kerana kita mempunyai Kementerian Kewangan yang lebih peka dan prihatin dan juga kita mempunyai pemimpin negara yang dapat bertahan setakat ini. Kita harap kita akan menjadi negara yang pertama yang dapat keluar daripada masalah ini tanpa pergi kepada IMF.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa Bank Negara mempunyai satu tanggungjawab yang begitu besar. Bank Negara bukan sahaja diwujudkan sebagai satu institusi untuk ianya menyelaras tentang perbankanan. Tetapi ia sebenarnya merupakan satu institusi yang perlu mengawasi keadaan ekonomi, memastikan ada kestabilan ekonomi negara kerana semuanya adalah bergantung kepada sistem kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, pemimpin-pemimpin di Bank Negara, Gubernur Bank Negara dan Lembaga Gubernur di Bank Negara perlu merupakan mereka yang sebenarnya mempunyai kepakaran dalam bidang ekonomi dan perbankanan yang mempunyai pengalaman yang berbeza-beza yang mungkin ada yang mendapat pengajian daripada Barat, ada yang berpengajian daripada Islam dan juga mungkin alternatif-alternatif lain agar kita dapat kepimpinan di dalam Bank Negara yang sebenarnya dapat memikir

dan dapat memberi telahan-telahan yang lebih tepat dalam kita menuju abad ke-21. Satu cabaran yang merupakan era baru, terutamanya dalam sistem perbankan dan terutamanya dalam kita menentukan struktur perbankan dan seterusnya struktur kewangan di seluruh negara. Saya percaya kalau dapat kita berikan alternatif-alternatif baru, idea-idea baru dan prinsip-prinsip perbankan yang baru tentu sekalilah kita boleh menerajui satu sistem kewangan, satu sistem ekonomi yang mungkin negara-negara lain akan berterima kasih kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya kepimpinan negara kita yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan kepimpinan Kementerian Kewangan di bawah Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan semua Menteri Kabinet yang ada yang kita tahu bertungkus-lumus, bekerja keras untuk memulihkan ekonomi negara, insya-Allah, akan dapat memulihkan ekonomi negara dan kita akan dapat balik kepada ekonomi yang telah lama kita anggap satu kejayaan yang besar. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan, dan lagi sekali saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah mengemukakan satu pindaan untuk dapat menyelaraskan penyeliaan kepada Rang Undang-undang Pengurusan Wang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

6.05 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum dan suka hati apabila melihat pindaan yang dibuat ini oleh kerana ini adalah tepat pada masanya bagi kerajaan khususnya dan bagi negara kita untuk membincangkan dan memikirkan sistem kewangan negara kita amnya, dan khususnya sistem perbankan. Kita semua sedia maklum bahawa kita telah dilanda oleh beberapa forces, dengan izin, dari luar, dan saya dengar ada juga dari dalam yang menyebabkan wang kita telah begitu merosot. Maka ini dengan sekali gusnya adalah secara langsung dan tidak langsung ada kaitannya dengan sistem bank kita. Oleh itu, maka sangatlah tepat pada masanya apabila kita dalam Dewan yang mulia ini dan kerajaan amnya untuk memikirkan bagaimana kita boleh mengawalkan sistem ekonomi kita supaya janganlah mudah sahaja diruntuhi oleh orang-orang yang tidak berniat baik terhadap kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin kemukakan dalam perbahasan saya dalam rang undang-undang ini ialah dari aspek kawalan, iaitu saya ingin cadangkan bahawa Bank Negara haruslah ada beberapa department, ada beberapa bahagian untuk menentukan dan mengkajikan sistem-sistem perbankan dalam negara kita ini dan juga di seluruh negara supaya kita boleh mencari cara-cara yang tepat, yang betul dalam proses pembangunan ekonomi

kita yang sedia ada sekarang mahupun di seluruh dunia. Dalam masa ini saya ingin menyokong penuh apa yang rakan saya telah sebut tadi di mana kita harus ada orang-orang yang begitu fasih dan mempunyai pakar-pakar tertentu baik dari segi kewangan, dari segi planning dan sebagainya yang duduk di Lembaga Bank Negara mahupun dari yang menguruskan hal-hal Bank Negara setiap hari.

Dengan adanya kepakaran-kepakaran seperti itu maka kita akan mempunyai keyakinan bahawa sistem banking kita akan diuruskan dengan begitu baik, maka kita harap tidak mudah dipergoda ataupun diroboh oleh pihak-pihak yang tertentu yang akan merobohkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya juga ingin memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa ada pihak-pihak tertentu yang tidak menunjukkan sokongan padu kepada negara kita ini, iaitu dari segi patriotisme. Dengan ini kita sedia maklum dalam beberapa abad yang lalu ada beberapa orang business besar dalam negara kita ini mereka sering dikatakan mengikut cerita-cerita orang di kaki lima menyimpan wang mereka di luar negara. Saya sebenarnya tidak tahu ini sama ada benar ataupun tidak, tetapi ramai orang yang menyebut-nyebutkan perkara ini. Ini bermakna dari pandangan orang biasa seperti saya dan juga ramai orang biasa di bandar-bandar kecil di kampung menganggapkan bahawa inilah satu ciri yang begitu khianat, yang sangat kurang baik terhadap negara kita. Ini merupakan satu tindakan yang tidak

hormat ke negara kita dari mana mereka mendapat kekayaan mereka dan seterusnya tidak hormatkan orang-orang biasa yang mencari kerja dalam negara kita ini di mana mereka harus membawa kewangan ataupun wang yang telah dapat itu bawa balik dan melaburkan wang itu dalam negara kita ini supaya ianya menjadi satu produktiviti, pelaburan, bukan disimpan di luar negara seperti tempat-tempat yang jauh dari tempat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara saya ingin cadangkan supaya Bank Negara meneliti perkara ini supaya sesiapa yang ada business ataupun menguruskan perdagangan bukan sahaja dalam negara kita ini tetapi juga di luar negara hendaklah mempunyai sistem di mana kawalan harus diperketatkan supaya menentukan bahawa pendapatan-pendapatan yang didapati oleh mereka yang berkenaan baik dari segi syarikat besar-besar ataupun orang-orang individu haruslah diteliti dengan begitu baik supaya negara kita menikmati bersama-sama dengan mereka yang mendapat keuntungan yang besar itu dan seterusnya orang-orang dalam negara kita ini menikmati juga untung secara tidak langsung dari segi mendapat kerja dan sebagainya.

Saya tidak bermaksud kita akan mengehadkan tindakan mereka syarikat-syarikat yang besar pergi melabur di luar negara ataupun tindakan-tindakan pelaburan di dalam negara kita ini. Tetapi maksud saya supaya proses perdagangan dalam negara kita ini hendaklah dikawalkan dengan begitu baik supaya tidak ada proses yang tertentu yang mudah disalahgunakan oleh orang-

orang kita sendiri ataupun oleh pihak-pihak luar yang mungkin menggunakan kaedah sistem kita untuk mengambil untung yang tidak sah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit dari segi perdagangan kewangan. Kita sedia maklum bahawa sekarang ini kita sedang menghadapi keadaan yang begitu teruk. Tetapi apabila kita melihat bahawa negara kita ini kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran misalnya, satu negara kecil di sebelah Barat, kita mempunyai kekayaan yang begitu besar. Maksudnya, kita mempunyai bahan-bahan mentah ataupun kekayaan natural resources yang begitu besar. Misalnya kita mempunyai tanah yang begitu luas dan begitu baik juga untuk tanam-tanaman seperti ladang-ladang besar kelapa sawit, lada dan getah. Juga kita mempunyai bahan-bahan mentah seperti kayu-kayan dari perhutanan kita, mahupun dari lombong-lombong. Maka dalam erti kata yang lain, kita mempunyai kekayaan yang begitu besar. Kita mempunyai manusia ataupun orang yang mempunyai pendidikan yang agak tinggi sekarang kalau berbanding 20 tahun yang dahulu. Apabila kita melihat perkara ini kita lihat bahawa tidak ada masalah sistem ekonomi kita semakin kukuh seperti yang telah dirancang dalam 10 tahun yang lalu sehingga kita telah menikmati pembangunan yang begitu baik, lebih daripada 8%. Hanyalah mungkin dalam tahun ini mungkin kita akan kurang sedikit dari segi kadar pembangunan itu.

Walau bagaimanapun, kalau melihat dari apa yang saya katakan tadi, iaitu melihatkan bahawa kita mempunyai hasil-hasil kekayaan natural yang begitu banyak, saya rasa dan yakin bahawa dengan adanya political will, dengan izin, dan juga sources will dan semua rakyat Malaysia yang mahukan bersama-sama memberi sokongan yang padu kepada kerajaan untuk menentukan ekonomi kita akan lebih kukuh lagi, saya rasa tidak ada sebabnya ekonomi kita tidak boleh lagi menjadi. Harap dalam setahun yang akan datang, kalau tidak enam bulan, mungkin itu agak unrealistic. Walaupun saya rasa dengan kerjasama semua pihak rakyat Malaysia baik pemimpin kita, mulai dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah pun membuat seruan kepada kita semua sehinggalah para consumer, pengguna-pengguna di merata tempat Malaysia ini, saya harap ekonomi kita akan pulih dengan segera. Ini adalah kerana kita seperti yang saya sebut tadi kita tidak berdasarkan kepada income atau pendapatan dari service ataupun dari perbankan, tetapi kita mempunyai punca ekonomi yang boleh menjadi kukuh kerana kita mempunyai kekayaan natural yang begitu besar kalaulah dibanding dengan beberapa negara di rantau kita ini seperti Taiwan misalnya kita mempunyai kekayaan yang lebih lagi, melainkan dari segi manusia sahaja ataupun tenaga manusia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kekayaan seperti itu saya juga hendak cadangkan supaya proses perancangan dalam negara kita ini hendaklah juga mengambil lebih berat dari segi bagaimana hendak menentukan bahawa

cara kita meutilisasikan kekayaan natural kita itu seperti tanah dan sebagainya tadi adalah dengan cara tidak mengikut apa yang telah dilakukan oleh pihak-pihak Barat, mungkin kita boleh cadangkan cara kita yang tersendiri supaya kita mempunyai satu sistem yang boleh dikawalkan oleh kita dan boleh juga diselaraskan dengan cara orang-orang di Barat tetapi tidak begitu mudah untuk dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyatakan sokongan penuh terhadap pindaan ini. Saya mohon maaf kerana ucapan saya adalah agak tidak sempurna sedikit kerana sebenarnya saya tidak ada teks di sini. Tetapi oleh kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberi saya peluang tadi, saya amatlah berterima kasih atas peluang itu. Dengan seruan segala masyarakat Malaysia untuk memberi sokongan penuh kepada pemimpin-pemimpin kita dari segi politik, dari segi banking dan juga dari segi ekonomi, saya harap dengan sokongan padu oleh seluruh masyarakat Malaysia, ekonomi kita akan cepat pulih dan negara kita akan membangun lagi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 ini. Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengutarakan beberapa pandangan saya dalam waktu yang

pendek sahaja, insya-Allah, saya ingin menyatakan di sini bahawa Islam lebih awal menyatakan melarang sama sekali melakukan pembaziran. Sebab itu Rasulullah S.A.W. mengingatkan kita yang berbunyi [*membaca Hadis dalam bahasa Arab*], ertinya “Bahawa ekonomi itu juga merupakan inspirasi dalam kehidupan”.

Jadi, dalam rang undang-undang yang baru sahaja dikemukakan ini, sebelum saya memberi cadangan untuk bersetuju, maka saya ingin memberi pandangan bahawa seharusnya diberi kuasa mutlak kepada Bank Negara untuk mengawasi semua institusi kewangan ataupun bank-bank yang kecil yang beroperasi dalam negara kita. Lebih-lebih lagi kebimbangan kita di saat negara menghadapi masalah kewangan, masalah keruntuhan ekonomi negara.

Saya juga turut untuk membahaskan mengenai rang undang-undang tersebut di mana saya ingin menyatakan di sini bahawa sepatutnya Bank Negara mengawasi bank-bank kecil sepertimana yang saya menyatakan awal tadi. Sebagai contohnya di mana banyak ataupun mungkin ada pemaju-pemaju perumahan ataupun pemaju bangunan yang mempunyai modal yang kurang cukup untuk membangun bangunan dan menjualkan rumah-rumah mereka, dan di dalam keadaan yang beginilah mereka telah mengeksploitkan ataupun mereka telah mengambil kesempatan untuk menjual bangunan-bangunan dan rumah-rumah dengan harga yang tidak berpatutan, iaitu dengan harga yang cukup tinggi, di mana dengan ini kita dapat melihat bahawa rakyat setempat

ataupun penduduk bagi satu-satu tempat tidak mampu memiliki rumah sendiri. Kalau mereka mampu memiliki mungkin mereka terpaksa berhutang sehingga sampai kepada waktu pencen.

Jadi, dengan ini saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu unit di Bank Negara yang dapat diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri untuk membuat sesuatu kawalan harga nilai bangunan ataupun perumahan yang mengimbangi kemampuan rakyat bagi memiliki rumah dan sebagainya. Jadi, saya rasa saya mengambil bahagian yang begitu pendek. Saya harapkan pihak kerajaan akan mengambil suatu keprihatinan dengan keadaan yang ada dan saya juga turut menyokong rang undang-undang ini dengan baik. Setakat itu sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.18 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997. Saya bangga dalam suasana negara kita dilanda peristiwa krisis kejatuhan mata wang dan penurunan pelaburan di negara kita, kerajaan dapat juga menggubal semula undang-undang Bank Negara untuk memperbaiki dan menyesuaikan keadaan dan mengemaskinikan keadaan Bank Negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bahawa banyak Bank Negara di negeri-negeri telah pun ditutup, seperti di Melaka dan tempat lain. Saya tidak tahu apa puncanya keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bank Negara?

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Cawangannya.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Cawangan Bank Negara.

Ada banyak yang ditutup, seperti di Melaka begitu indah keadaan, ramai pekerja, kakitangan tetapi tiba-tiba ditutup. Tetapi pada ketika itu kita masih lagi belum dilanda oleh krisis kewangan negara, mengapa ditutup. Seolah-olah satu immense yang berlaku pada negara kita. Jadi, saya ingin tahu jugalah perkara tersebut. Sepatutnya ianya lebih berkembang lagi, bukan sahaja dalam negeri bahkan di luar negeri kita ada Bank Negara, bank pusat yang boleh memperelokkan keadaan dan mengawal kewangan bank-bank dibawahnya.

Berhubung dengan kerajaan kita menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBAC), ini adalah satu langkah yang sangat baik dan bijak. Kerana dengan adanya pembentukan penubuhan tersebut saya yakin bahawa kerajaan akan dapat mengawal dan memantapkan lagi keadaan kedudukan ekonomi. Dengan jalan ini juga akan dapat mengawasi keadaan-keadaan dan akan memperelokkan lagi keadaan-keadaan ekonomi pada masa akan datang. Banyak perkara akan dapat diatasi, diperbincangkan, manakala ada penubuhan

tersebut saya yakin bahawa mereka yang dilantik itu daripada peringkat negara dan peringkat negeri mahupun peringkat daerah, mereka yang berwibawa dan berpengalaman akan dapat membantu langkah yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Sesuai dengan keadaan sekarang bagaimana kita lihat bahawa bukan sahaja di luar negara yang menjadi krisis kewangan, tetapi sebagaimana disebut oleh rakan-rakan saya tadi bahawa ada juga setengah-setengah rakyat kita sendiri yang mencurigakan kerajaan kita, bahawa mereka telah banyak mendapat nikmat sebagaimana yang disebutkan, pelabur-pelabur korporat telah banyak mendapat keuntungan, ada yang menyimpan wang di luar negara, tetapi sebaliknya menikam kerajaan dari belakang dengan kata-kata yang tidak menyenangkan kerajaan. Sepatutnya mereka itu menyokong apa langkah kerajaan yang ada sekarang ini, memantapkan lagi keadaan. Bukan menikam dari belakang ataupun tidak menyokong kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita ketahui bahawa langkah kerajaan menyeru seluruh rakyat negara kita, menyeru orang ramai, semua masyarakat supaya mengurangkan perbelanjaan keluar negeri. Kalau bercuti telah pun ditentukan oleh kerajaan, tidak dibenarkan cuti, tetapi dibenarkan cuti tanpa melawat ke luar negeri. Ini satu langkah yang bijak, kerana kalau kita keluar negeri keadaan mata wang kita dibandingkan sekarang begitu meleset sekali, 30% bukan sedikit. Banyak saham pelaburan menjunam, ada yang menderita, minta maaf, ada yang membunuh diri dengan senyap-senyap, maknanya kerana

menderita kewangannya kerana RM22.00 sampai tinggal RM6.00 saham macam-macam terjadi.

Jadi, langkah ini adalah satu langkah yang bijak, iaitu yang diharapkan supaya kita mengikut. Apatah lagi pemimpin-pemimpin besar kita, kalau kita bercakap kita hendaklah dahulu membuatnya. Janganlah kita kata rakyat jangan pergi melawat, jangan pergi ke Medan, jangan pergi ke Indonesia, jangan pergi ke China tetapi kita sendiri pergi. Kita harap menteri-menteri sendiri menunjukkan sikap yang boleh ditauladani oleh rakyat kita.

Begitu juga kita menggalakkan rakyat supaya membelanjakan wangnya membeli barang-barang buatan sendiri. Apa yang telah dibuat oleh rakyat kita, industri kita adalah lebih tinggi mutunya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Jangan kita kata negara lain itu mempunyai barangan lebih baik. Saya pernah melawat di Korea, saya dapati ada juga barang-barang buatan daripada industri Malaysia dijual di sana. Di Jepun pun begitu juga, saya ada jumpa baju kemeja Malaysia dijual di Jepun. Bukan sahaja kita membeli barang Jepun, kita tahu orang Jepun satu bangsa yang banyak barang-barang dalam negara kita, bukan sahaja di luar rumah, tetapi di dalam rumah semua alat boleh dikatakan lebih 70% adalah alat buatan Jepun. Tetapi ada sekarang ini barang pembuatan kita dan banyak barang-barang industri kita dijual di luar negara. Kita ucap tahniah langkah kerajaan meletakkan negara kita di bawah langkah menggalakkan bidang industri.

Kita juga menggalakkan rakyat, kita harap bagi pihak Kementerian Pertanian supaya mengadakan satu budget ataupun memberikan peruntukan kepada rakyat khasnya di luar-luar bandar, mewujudkan semula Buku Hijau, membuatkan petak-petak sayuran di rumah, seperti menanam cili, terung, kacang dan sebagainya, tidak payah membeli sayur-sayur dari luar negeri, seperti kobis-kobis yang kita import dari luar negeri. Saya tidak tahu berapa juta angka wang kita keluar negeri membeli barang-barang tersebut.

Sudah sampai masanya kita menyeru semula rakyat untuk menanam semula. Dahulu orang-orang kampung ada membuat dua-tiga petak di belakang rumah, dengan pagarnya. Kalau untuk makanan sendiri, satu keluarga untuk 10 atau 12 orang tidak payah pergi pasar. Begitu juga orang-orang dahulu kala, sepatutnya kita membela ayam sendiri, bukan ayam karan. Boleh bela sendiri ayam telur, ayam kampung lebih baik. Daging ayam kampung lebih baik, lebih selamat, tidak ada kolesterol yang lebih. Kita boleh menggalakkan rakyat membela ikan air tawar sendiri walaupun secara kecil-kecilan.

Jadi, harapan saya supaya Kementerian Pertanian untuk membuat satu budget, membantu peladang-peladang, membantu pekebun-pekebun kecil daripada Pertubuhan Peladang mahupun ke peringkat kawasan, negeri dan peringkat negara. Jadi, ini satu galakan.

Kita tahu kita banyak membeli barang-barang daripada luar negara daripada Thailand, daripada Indonesia. Mengapa kita tidak menggalakkan

petani-petani. Cara komersial pun kita boleh buat. Banyak tanah kosong sepatutnya boleh diterokai oleh Jabatan Pertanian. Peladang-peladang boleh mengatur keadaan yang sebegitu rupa. Banyak perkara boleh kita lakukan untuk mengurangkan pembelian barang-barang luar. Saya dapat tahu bahawa ikan pun banyak kita import daripada luar negara, sedangkan kita boleh berusaha sendiri. Bukan sahaja kita menggalakkan rakyat sendiri memakan ikan laut, tetapi ikan darat pun kalau kena cara masaknya, menunya tentu menarik. Ikan darat juga banyak khasiat tidak kurang bagaimana ikan-ikan di laut.

Jadi, langkah-langkah tersebut patutlah kita galakkan dan ini ditujukan kepada koperasi pekebun kecil, kepada Pertubuhan Peladang yang telah ada dalam negara kita. Kita belum terlambat lagi dalam hal tersebut. Ini supaya melatih rakyat kita berusaha sendiri, berdikari. Kalau mereka berusaha sendiri, mengambil peluang sedikit dalam masa hidupnya, ia juga akan dapat mengkaji keadaan bagaimana kelebihan bercucuk tanam dan memakan tanaman sendiri.

Satu perkara lagi yang saya tahu bahawa Kementerian Pertanian kita belum lagi mengkaji sehingga ke tahap yang begitu baik kalau dibandingkan dengan Thailand. Selalu orang suka makan durian Thailand, suka makan buah rambutan Thailand, suka makan buah-buah daripada Thailand. Pada hal buah-buah kita sendiri baik juga. Tadi disebut oleh Timbalan Menteri Pertanian, perbezaan masih jauh lagi kedudukan teknologi orang luar dengan orang kita.

Kadang-kadang bukan buah sahaja, orang Thailand oleh Malaysia suka, orangnya pun dia suka. *[Ketawa]* Ini khabar ceritanya sahajalah, minta maaf, inilah masalahnya.

Teknologi pertanian belum ke tahap yang sebenarnya. Jadi, kita tahu bahawa teknologi sepatutnya kita....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Sedikit sahaja, saya akan tamatkan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Orang di sebelah minta laluan.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Okay, sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada sebutan mengatakan ramai orang Malaysia suka kepada buah-buahan. Adakah Yang Berhormat dapat maklum mengatakan banyak orang Malaysia yang suka daging dari Thailand. *[Ketawa]*

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, memang suka daging ayam, daging lembu diimport dari Thailand. Saya tidak tahulah daging lain maksud sahabat saya ini. *[Ketawa]* Yang itu saya tahu memang orang kita banyak beli lembu, banyak beli ayam dari Thailand. *[Ketawa]* Daging lain, wallahu waalamu. Mungkin Yang Berhormat sendiri

tahu sebab dia duduk di sempadan, dia orang Perlis. *[Ketawa]* Saya orang Melaka. Minta maaf.

Teknologi yang dibuat oleh MARDI, yang dibuat oleh Pejabat Pertanian saya ingat patut disampaikan kepada rakyat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok?

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Jadi, setakat itu sahajalah dahulu. Insyallah, saya akan cuba sambung esok.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan kita sambung esok, insyallah. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.